

Nasionalisme dan Politik Kuasa dalam Hubungan Luar Indonesia dengan Malaysia: Kajian Kes ke atas Pertikaian Ambalat (2005)

LAI YEW MENG¹
YUDDY CHRISNANDI²

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu.

²Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik (FISIP), Universitas Nasional (UNAS),

Jl. Sawo Manila No.61. Pejaten, Pasar Minggu, Jakarta 12520, Indonesia

¹laiyewmeng@yahoo.com, ²yuddy_chrisnandi@yahoo.com

Abstrak Artikel ini meninjau peranan nasionalisme dan percaturan politik domestik dalam membentuk hubungan Indonesia-Malaysia semasa pentadbiran Presiden Susilo Bambang Yudhoyono (SBY). Dengan mengaplikasikan Model Nasionalisme dan Pembuatan Keputusan Dasar Luar yang berlandaskan teori Realisme Neoklasik [*Neoclassical Realism* (NCR)]. Kajian ini cuba menjawab persoalan mengapa, bagaimana, bila dan sejauhmana ‘nasionalisme’ berkemampuan mempengaruhi persepsi dan tingkah laku luar pentadbiran SBY terhadap Malaysia ketika pertikaian Ambalat tercetus buat julung kalinya pada tahun 2005. Perhatian diberikan kepada analisis interaksi antara dorongan nasionalisme domestik dan pemboleh ubah-pemboleh ubah eksternal-internal yang lain dalam mempengaruhi proses pembuatan keputusan dasar luar Indonesia terhadap Malaysia, untuk menilai sejauhmana nasionalisme mengekang opsyen dasar luar kerajaan SBY dalam menangani pertikaian wilayah maritim tersebut. Kajian ini juga mendapati pengurusan Indonesia terhadap episod sulong sengketa Ambalat dengan Malaysia pada takat tertentu, mencerminkan keberkesanan desakan atau tekanan nasionalis domestik dalam menghad dan mengekang pilihan dasar luar kerajaan SBY. Secara spesifiknya, opsyen-opsyen dasar yang ‘terukur’ (*measured*) serta maneuver-maneuver diplomatik yang dilaksanakan oleh Jakarta jelas mempamerkan perkiraan ‘rasional’ kerajaan SBY terhadap kedua-dua persekitaran antarabangsa dan domestik yang dihadapinya yang memerlukan penaakulan dan ‘*sensibility*’ berbanding emosi dan keghairahan dalam penentuan keputusan, serta ‘*balancing*’ untuk memajukan kedua-dua matlamat dasar luar dan domestik SBY secara serentak. Situasi ini mendemonstrasikan sejauhmana nasionalisme mempengaruhi dan menentukan pembuatan dasar luar Indonesia, iaitu dalam keadaan-keadaan eksternal-domestik dan konteks

masa tertentu, seperti yang dipersepsikan oleh elit-kerajaan Indonesia, boleh menjadi lebih, atau kurang signifikan *vis-à-vis* pemboleh ubah yang lain dalam membentuk opsyen-opysen dasar luar mereka.

Kata Kunci: Nasionalisme, politik kuasa, dasar luar, hubungan Indonesia-Malaysia, Ambalat

Abstract *This article explores the role of nationalism and power politics in shaping Indonesia's relations with Malaysia during the Susilo Bambang Yudhoyono (SBY) administration. Specifically, it aims to explicate 'nationalism' as a domestic variable, and its interactions with other determinants in defining Indonesia's management of the inaugural episode of the Ambalat maritime territorial dispute (2005). Utilising a Neoclassical Realist (NCR) Model of Nationalism and State Behaviour/Preferences, it attempts to answer the questions of why, how, when and the extent to which nationalism matters in affecting the SBY administration's perceptions/calculation and policy options, when dealing with Malaysia over the nationalistically-oriented conflict. Particular attention is given to analysing the interactions between domestic nationalist pressure and other external-domestic variables within the matrix of Indonesia's Malaysia policy-making, to assess the extent to which nationalism constrains Jakarta's management of this potentially destabilising bilateral dispute. This study found that Indonesia's handling of the 2005 episode of the Ambalat dispute reflected, to a certain extent, the salience of domestic nationalist pressure in limiting and constraining the foreign policy options of the SBY administration. Specifically, the 'measured' policy responses and shrewd diplomatic manoeuvres adopted by Indonesia vividly demonstrated the 'rational' policy calculations of the SBY government on the prevailing external and domestic conditions, which required Jakarta to exercise 'reason' and 'sensitivity' rather than 'passion' and 'emotions' in policy decision-making, as well as 'balancing', to simultaneously advance both domestic and external policy goals. The findings reveal the extent to which nationalism influences or affects Indonesia's foreign policy, which under specific external-domestic conditions and time context, as perceived by the Indonesian state-elites, can be more, or less salient vis-à-vis other determinants in shaping their policy options.*

Keywords: Nationalism, power politics, foreign policy, Indonesia-Malaysia relations, Ambalat

PENDAHULUAN


Isu bilateral yang berkaitan dengan kedaulatan dan integriti wilayah amat sensitif dan bersifat eksplosif, khususnya dalam era kebangkitan nasionalisme dalam hubungan internasional. Hal ini demikian kerana isu sedemikian cenderung menimbulkan impuls nasionalisme yang berkemampuan mencetuskan reaksi kerajaan dan masyarakat yang melampaui batas rasional. Salah satu kes kontemporer adalah hubungan bilateral antara Indonesia dan Malaysia. Dorongan nasionalisme yang kuat dalam persekitaran domestik Indonesia sejak proses pendemokrasian berlangsung pada lewat dekad 1990-an, dipersepsikan semakin mengekang keupayaan kedua-dua kerajaan untuk berkompromi dan mencapai resolusi dalam pertikaian wilayah maritim mereka di perairan blok Ambalat di Laut Sulawesi. Makalah ini meninjau peranan nasionalisme dan percaturan politik mahupun kuasa domestik dalam membentuk hubungan Indonesia-Malaysia semasa pentadbiran Presiden SBY. Secara spesifiknya, ia meneliti 'nasionalisme' sebagai suatu pemboleh ubah atau faktor domestik dan interaksinya dengan faktor-faktor lain dalam menentukan tingkah laku luar Indonesia ketika menangani kes pertikaian Ambalat. Dengan mengaplikasikan Model Nasionalisme dan Pembuatan Keputusan Dasar Luar yang berlandaskan teori Realisme Neoklasik (NCR), kajian ini cuba menjawab persoalan mengapa, bagaimana, bila dan sejauhmana 'nasionalisme' berkemampuan mempengaruhi persepsi atau perkiraan dan opsyen dasar luar pentadbiran SBY terhadap Malaysia ketika isu tersebut tercetus buat julung kalinya pada tahun 2005. Ia bermula dengan penjelasan fungsi Model NCR, diikuti dengan huraian ringkas tentang latar belakang pertikaian Ambalat, sebelum penelitian dilakukan ke atas kajian kes tersebut. Perhatian khusus diberikan kepada interaksi antara dorongan nasionalisme domestik dan pemboleh ubah-pemboleh ubah eksternal-internal yang lain dalam mempengaruhi pembuatan keputusan dasar luar Indonesia terhadap Malaysia, bagi menilai sejauhmana nasionalisme mengekang opsyen dasar luar kerajaan SBY dalam menangani pertikaian wilayah maritim tersebut.

KERANGKA TEORETIKAL: REALISME NEOKLASIK (*NEOCLASSICAL REALISM*)

Kajian ini menganjurkan Realisme Neoklasik [*Neoclassical Realism (NCR)*] sebagai kerangka analisis utama. NCR merupakan salah satu teori varian dalam sekolah pemikiran Realisme yang muncul pada dekad 1990-an. Ia memperoleh pengiktirafan sebagai teori dasar luar Realis yang berkongsi andaian-andaian asas dalam tradisi teori realisme secara amnya, tetapi membezakan dirinya daripada teori-teori realisme yang bersifat ‘sistemik’ kerana penekanan secara langsung yang diberikan kepada fungsi ‘*intervening*’ pemboleh ubah domestik dalam menghasilkan tatacara/tingkah laku dasar luar. Sesungguhnya, NCR menekankan integrasi kedua-dua pemboleh ubah sistemik dan domestik bagi menghasilkan analisis dasar luar yang lebih komprehensif dan tepat. Secara umumnya, penyokong teori NCR berkongsi andaian realis yang ‘standard’ bahawa ‘skop atau cakupan dan kehendak’ dasar atau kepentingan luar sesebuah negara adalah dipacu terutamanya oleh dorongan/desakan/tekanan sistemik dan kedudukan kuasa relatifnya (*relative power position*) (Rose 1998; Lai 2008; 2013; Lobell, Ripsman & Taliaferro 2009). Namun, kesan kedua-dua elemen tersebut adalah subjektif kerana mereka perlu diterjemahkan melalui ‘persekitaran dan proses politik domestik yang unik’ (Schweller 2004), yang berkemampuan mempengaruhi respons sesebuah negara terhadap persekitaran luarnya. Dalam erti kata lain, tidak wujud ‘*immediate and perfect transmission belt*’ (Rose, 1998:146-7) yang menghubungkan kehendak atau dorongan sistemik kepada tingkah laku negara dan segala peluang atau kekangan luaran atau eksternal perlu dimediasi oleh pemboleh ubah ‘*unit-level*’ yang bersifat ‘*intervening*’ yang boleh mendorong pelaku-negara untuk berkelakuan serupa atau seiras dalam keadaan-keadaan yang berbeza, atau menonjolkan tingkah laku yang berbeza dalam keadaan-keadaan yang serupa (Lai, 2008; 2013).

Kedudukan NCR yang bersifat ‘*middle-ground*’ membenarkan kajian ini mengoperasionalisasikan ‘nasionalisme’ sebagai pemboleh ubah domestik yang bertindak memediasi persekitaran luar atau antarabangsa serta mempengaruhi proses-proses politik domestik dan persepsi pembuat dasar Indonesia. Hal ini seterusnya membawa kepada pembentukan tingkah laku dasar luar, sama ada yang memburukkan atau meringankan ketegangan dalam pertikaian blok Ambalat *vis-à-vis* Malaysia.

RAJAH 1 Kerangka Teori Nasionalisme dan Tingkah Laku/ Pilihan dasar luar negara



Sumber: Diadaptasi dan dimodifikasikan daripada Taliaferro (2006: 486); Lai (2008: 61; 2013)

Sebagai permulaan, kerangka teori NCR yang asas (Rajah 1) terdiri daripada dua set pemboleh ubah interaktif. Sementara faktor luaran bertindak terutamanya sebagai pemboleh ubah *independent*, penentu-penentu domestik pula berfungsi sebagai pemboleh ubah ‘*intervening*’ (dengan fungsi *independent* dalam keadaan tertentu) yang akan bermediasi dan berinteraksi dengan faktor luaran dan sesama sendiri untuk menghasilkan opsyen-opsyen dasar luar tertentu, atau pemboleh ubah *dependent*. Pemboleh ubah eksternal yang diidentifikasi untuk kajian ini adalah: 1) persekitaran keselamatan antarabangsa; 2) *leverage* atau kelebihan diplomatik *vis-à-vis* negara-pertikaian; 3) saling bergantung (bilateral atau multilateral); dan 4) dinamika keserantauan dalam bentuk komitmen terhadap dan dorongan oleh ASEAN, yang menentukan parameter opsyen dasar luar Indonesia terhadap Malaysia. Sementara itu, pemboleh ubah-pemboleh ubah domestik termasuklah: 1) nasionalisme (manifestasi rasmi atau popular); 2) institusi kerajaan (sama ada *strong* atau *weak state*); dan 3) politik domestik (persaingan kuasa dalam kalangan elit atau parti atau fraksi atau birokrasi). Untuk kajian ini, secara spesifiknya nasionalisme diandai akan berinteraksi dengan faktor-faktor penentu yang telah dikenal pasti dalam mempengaruhi persepsi atau perkiraan elit kerajaan terhadap keadaan eksternal-domestik, khususnya kedudukan kuasa relatif Indonesia *vis-à-vis* Malaysia, dan kezaman politik domestik *vis-à-vis* kuasa mahupun puak ‘nasionalis’, yang kemudiannya mendefinisikan opsyen-dasar yang spesifik, ketika berurusan dengan pihak Malaysia mengenai isu bilateral yang dikaji.¹


Dalam membangunkan kerangka teori tersebut, nasionalisme dioperasionalisasikan dalam suatu model 'makro-mikro' interaktif untuk menjelaskan bagaimana, bila dan dalam apa keadaan apa ia menjadi signifikan dalam pembuatan dasar luar Indonesia terhadap Malaysia. NCR menekankan bahawa pengaruh domestik dalam dasar luar bergantung kepada peluang dan kekangan yang ditawarkan oleh sistem antarabangsa.

Walaupun berkesinambungan dengan andaian asas dalam tradisi realis, NCR mengorak langkah yang lebih lanjut dengan mengandaikan bahawa 'persekitaran' hanya berupaya menghadkan, tetapi tidak boleh menentukan pilihan dasar luar spesifik sesebuah negara. Sebaliknya, proses-proses sedemikian lazimnya ditentukan oleh faktor atau pelaku domestik misalnya nasionalisme dan persepsi atau perkiraan elit kerajaan (Sterling-Folker, 1997). Apabila dorongan/desakan/tekanan antarabangsa menjadi rendah, atau apabila kebarangkalian konflik menjadi terhad secara relatif, NCR mengandaikan bahawa pelaku-negara dapat menikmati opsyen-dasar luar yang lebih meluas, seterusnya membolehkan nasionalisme dan faktor-faktor domestik lain memberi kesan atau dampak yang lebih besar dalam pembuatan dasar luar (Desch, 1998). Dalam keadaan tawar-menawar politik domestik menikmati keupayaan yang lebih besar dalam proses pembuatan keputusan, dorongan nasionalis (contohnya ahli politik nasionalis, sentimen nasionalis popular dan sebagainya) cenderung muncul dan memaksa, mahupun menggalakkan negara-negara mengangkat opsyen dasar luar yang bersifat nasionalistik daripada yang bersifat sederhana.

Begitu juga, elit-elit kerajaan yang cenderung memupuk ataupun yang amat bergantung kepada nasionalisme untuk mencapai matlamak politik domestik, berkemungkinan membenarkan nasionalisme mengambil peranan yang 'affective' dalam penentuan tingkah laku luar negara, dalam persekitaran antarabangsa yang bertekanan rendah secara relatif. Sebaliknya, apabila tekanan sistemik atau eksternal adalah tinggi, dan kebarangkalian ancaman menjadi lebih nyata, pilihan dasar negara cenderung disekat, yang seterusnya mengurangkan keupayaan faktor-faktor domestik dalam pembuatan dasar luar (Desch, 1998). Keadaan ini menggambarkan bahawa kuasa-kuasa nasionalis memiliki keupayaan tawar-menawar yang terhad dalam pembuatan dasar. Sebaliknya, elit-elit kerajaan sebagai pelaku 'rasional' dijangka memberi respons kepada kehendak sistemik, dan bukannya kepada desakan nasionalis domestik, ataupun pendirian nasionalistik masing-masing ketika menentukan opsyen dasar.

Walau bagaimanapun, NCR tidak mengecualikan kebarangkalian elemen domestik melewati kehendak sistemik, sungguhpun dalam waktu kekangan struktur atau sistemik yang signifikan. Hal ini memandangkan tekanan antarabangsa tidak diterjemahkan secara langsung kepada suatu set kelakuan atau pilihan yang spesifik, tetapi perlu ditapis sama ada oleh faktor atau pelaku ‘unit-level’, yakni persepsi elit-elit kerajaan yang boleh ‘intervene’ ataupun campur tangan dan mengakibatkan pelaku-negara mengambil tindakan yang bercanggah dengan kehendak sistemik.² Menurut Sterling-Folker (1997: 22), “Memandangkan elit-elit kerajaan mempersepsikan tekanan sistemik melalui prisma proses-proses intersubjektif masing-masing, penilaian mereka terhadap keadaan tersebut tidak semestinya bersifat objektif. Walaupun dalam mengejar kelangsungan atau survival, kecekapan para elit-kerajaan dalam memberi respons terhadap tekanan masih berteraskan kepada proses-proses dalam mana identiti, kepentingan dan tingkah laku pelaku dibentuk.” Andaian tersebut memberikan nasionalisme fungsi ‘intervening’ yang boleh mempengaruhi keupayaan elit-elit kerajaan untuk mengangkat opsyen dasar luar yang ‘rasional.’³

RAJAH 2 Model Nasionalisme dan Tingkah Laku Luar Negara ala NCR



X = Keazaman Politik Domestik (vis-à-vis desakan nasionalis domestik)

Y = Kedudukan Kuasa Relatif (vis-à-vis negara-sengketa/Malaysia)

Sumber: Diadaptasi dan dimodifikasi daripada Lai (2008:62; 2013)

Berdasarkan andaian yang dinyatakan, sebuah Model Nasionalisme dan Tingkah Laku Luar Negara ala NCR boleh dibentuk dengan menajajarkan pemboleh ubah-pemboleh ubah eksternal (*independent*) dan domestik (*intervening* atau *independent*) dalam dua paksi yang berasingan untuk menggambarkan interaksi mereka yang seterusnya, menghasilkan *outcome* dasar luar (pemboleh ubah *dependent*). Seperti yang diwakili dalam Rajah 2, pemboleh ubah eksternal yang dikenal pasti pada awalnya digabungkan ke dalam model tersebut untuk mengukur kedudukan kuasa relatif Indonesia *vis-à-vis* negara-pertikaian, iaitu Malaysia, di sepanjang paksi-Y. Sementara itu, nasionalisme difaktorkan bersama-sama dengan faktor penentu domestik yang lain untuk mengukur keazaman politik domestik (*domestic political resolve*) para elit-kerajaan, khususnya dalam menangani desakan nasionalis, di sepanjang paksi-X. Secara bebas, kedua-dua paksi menyediakan ukuran untuk menentukan persepsi dan perkiraan para elit-kerajaan tentang sejauh mana mereka berasa yakin, atau terdedah kepada tekanan yang dikenakan oleh setiap satu set pemboleh ubah, berdasarkan kepada suatu kontinum ‘menggalakkan-ke-tidak menggalakkan.’ *Ceteris paribus*, setiap paksi membentuk hipotesis masing-masing berkenaan dengan tingkah laku atau opsyen dasar Indonesia yang dijangka: (H1) oleh paksi-Y, dan (H2) oleh paksi-X. Namun, penjajaran paksi-X dan Y akan menghasilkan empat hipotesis kecil (H3–H6) yang mewakili opsyen dasar luar yang mungkin di bawah keadaan-keadaan eksternal-internal dan konteks masa yang spesifik (seperti yang ditandakan oleh Kuadran A ke D; lihat juga Jadual 1).

JADUAL 1 Hipotesis tingkah laku dan pilihan dasar luar

HIPOTESIS/ (KUADRAN)	PERSEKITARAN SISTEMIK-DOMESTIK DAN OPSYEN DASAR LUAR YANG DIJANGKA
H1	Apabila Kedudukan Kuasa Relatif <i>vis-à-vis</i> negara-pertikaian adalah menggalakkan (secara nyata) (persekitaran antarabangsa + <i>leverage</i> diplomatik + saling bergantung + dinamika serantau/ASEAN), sebuah negara cenderung mengangkat dasar luar asertif-nasionalis (faktor domestik-ideasional memperoleh keupayaan mempengaruhi dasar luar dalam keadaan struktur/sistemik yang ‘low pressure.’ Seyogia, elit-kerajaan berpeluang mengajukan agenda nasionalis rasmi/popular untuk merealisasikan pendirian nasionalis peribadi mahupun manfaat politik domestik. Sebaliknya, dasar luar yang sederhana-konsiliatori/ <i>non-action</i> merupakan suatu kecenderungan apabila negara menghadapi Kedudukan Kuasa Relatif yang tidak menggalakkan (elit-kerajaan dijangka memberi respons yang sepatutnya terhadap kekangan struktural-sistemik dan menolak objektif domestik-ideasional).

H2	Elit-kerajaan yang mengalami Keazaman Politik Domestik (<i>vis-à-vis</i> desakan nasionalis) yang kurang menggalakkan <i>ceteris paribus</i> , cenderung mengangkat dasar luar asertif-nasionalis, ketika menangani isu bilateral yang nasionalistik. Sebaliknya, dasar luar yang sederhana/moderat-konsiliatori adalah pilihan sekiranya elit-kerajaan menghadapi Keazaman Politik Domestik (<i>vis-à-vis</i> desakan nasionalis) yang menggalakkan.
H3 (A)	Apabila elit-kerajaan mempersepsikan Kedudukan Kuasa Relatif (<i>vis-à-vis</i> negara sengketa) yang kurang menggalakkan tetapi menikmati Keazaman Politik Domestik yang menggalakkan, kecenderungannya adalah untuk mengangkat dasar luar yang sederhana/ <i>moderate</i> -konsiliatori.
H4 (B)	Apabila negara mengalami Kedudukan Kuasa Relatif yang <i>advantageous vis-à-vis</i> negara-sengketa, dan Keazaman Politik Domestik elit-kerajaan yang menggalakkan, mereka akan menikmati opsyen dasar luar yang bebas/fleksibel.
H5 (C)	Elit-kerajaan yang mempersepsikan Kedudukan Kuasa Relatif yang menggalakkan <i>vis-à-vis</i> negara-sengketa, tetapi berasa terdedah kepada desakan nasionalis domestik, berkemungkinan cenderung memilih opsyen dasar luar yang asertif-nasionalis.
H6 (D)	Elit-kerajaan yang mempersepsikan kedua-dua Kedudukan Kuasa Relatif dan Keazaman Politik Domestik yang ternyata <i>disadvantageous</i> adalah dikekang untuk memilih dasar <i>non-action</i> , ditutup/dikaburi dengan retorika dan/ atau tindakan nasionalistik yang simbolik dan ' <i>highly visible</i> ', sebagai langkah untuk mengelakkan masalah objektif dasar luar yang bercanggah akibat persekitaran antarabangsa/sistemik dan proses-proses domestik yang sekian rupa.

Sumber: Adaptasi dan modifikasi daripada Bong (2002); Down & Saunders (1998-9); Lai (2008; 2013)

Opsyen-opsyen dasar tersebut (H3-H6) pada asasnya dihipotesis berdasarkan kepada sama ada keadaan persekitaran eksternal dan internal bersifat sangat menggalakkan (*determinately favourable*), atau sebaliknya. Dalam suasana di mana elit-kerajaan menghadapi keazaman politik domestik yang samar-samar, hujah '*first-order systemic*' NCR mengandaikan bahawa opsyen-dasar yang menjadi pilihan amat bergantung kepada kedudukan kuasa relatif yang dipersepsikan elit-kerajaan terhadap negara-sengketa (*disputant-state*). Sebaliknya, kedudukan kuasa relatif yang samar-samar cenderung menjadikan kombinasi langkah-langkah *assertive-cum-conciliatory* sebagai opsyen-dasar yang terpilih, tanpa mengira keadaan domestik yang sedia ada (Jadual 2).

JADUAL 2 Tingkah laku dasar luar yang dijangka

Kedudukan Kuasa Relatif (<i>vis-à-vis</i> negara-sengketa) Keazaman Politik Domestik (<i>vis-à-vis</i> desakan nasionalis)	Menggalakkan (H1)	Samar-samar (<i>ambiguous</i>)	Kurang Menggalakkan (H1)
Menggalakkan (H2)	Opsyen dasar luar fleksibel (H4) (Kuadran B)	Opsyen dasar luar campuran asertif-konsiliatori (antara Kuadran A dan B)	Opsyen dasar luar moderat/konsiliatori/ sederhana (H3) (Kuadran A)
Samar-samar (<i>ambiguous</i>)	Opsyen dasar luar asertif-nasionalis (antara B dan C)	Opsyen dasar luar campuran asertif-konsiliatori	Opsyen dasar luar moderat/konsiliatori/ sederhana (antara A dan D)
Kurang Menggalakkan (H2)	Opsyen dasar luar asertif-nasionalis (H5) (Kuadran C)	Opsyen dasar luar campuran asertif-konsiliatori (antara C dan D)	<i>Non-action</i> (H6) (Kuadran D)

Sumber: Lai (2008: 2013)

Model NCR ini akan diuji pada bahagian seterusnya untuk menilai keberkesanan dan kecenderungan nasionalisme dalam menjejaskan pilihan-dasar luar Indonesia terhadap Malaysia berkenaan dengan kes pertikaian wilayah maritim Ambalat. Sebelum menjurus kepada analisis kes tersebut, suatu latar belakang ringkas dan gambaran keseluruhan tentang pertikaian Ambalat akan ditelusuri dalam bahagian yang berikutnya.

LATAR BELAKANG PERSENGKETAAN INDONESIA-MALAYSIA KE ATAS WILAYAH MARITIM AMBALAT

Pada umumnya, pertikaian bilateral di antara Indonesia dan Malaysia ke atas wilayah maritim Ambalat merujuk kepada tuntutan bertindih, persaingan sumber tenaga dan pencerobohan kapal-kapal tentera laut dan nelayan ke dalam sempadan maritim yang direbut oleh kedua-dua negara tersebut. Wilayah Ambalat sebenarnya merupakan kawasan luar pesisir di Laut Sulawesi yang berada di timur laut provinsi Indonesia di Kalimantan Timur dan di sebelah tenggara negeri Sabah di Malaysia Timur. Ia bukanlah wilayah kepulauan seperti yang selalu disalahsangkakan tetapi merupakan wilayah maritim yang terdiri daripada blok-blok dasar laut yang kaya dengan minyak dan gas asli (Arsana, 2010:49; Schofield & Storey, 2005). Sesungguhnya,

Malaysia merujuk sebahagian daripada blok Ambalat sebagai Blok ND6 (asalnya Blok Y) dan blok Ambalat Timur sebagai Blok ND7 (asalnya Blok Z) kerana kedua-dua 'Ambalat' dan 'Ambalat Timur' merupakan nama yang digunakan oleh Indonesia untuk merujuk kepada kawasan-kawasan yang dikonsesikan kepada *Royal Dutch/Shell Group* pada tahun 1999 dan ENI SpA (perusahaan minyak Itali) dan Unocal (syarikat minyak multinasional Amerika Syarikat) pada 12 Disember 2004 bagi tujuan penerokaan dan carigali (Sustina & Arsana, 2011:12).

Bibit kontroversi wilayah Ambalat bermula apabila Kerajaan Malaysia secara unilateral menerbitkan peta baharu pada Disember 1979 yang menggariskan sempadan darat dan batas maritim, khususnya laut territorial dan landas kontinen. Berdasarkan peta tersebut, batas maritim Malaysia dilimitasikan oleh satu garisan yang menganjur dari titik paling timur di sempadan Indonesia-Malaysia di Pulau Sebatik ke arah tenggara Laut Sulawesi yang turut merangkumi Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan serta sebahagian besar daripada blok Ambalat. Peta Baru Malaysia 1979 tersebut telah mencetuskan bantahan dalam kalangan negara-negara jiran termasuk Indonesia kerana tuntutan yang didakwa bersifat eksekutif dan kurang mengambil kira batas wilayah negara ketiga (Arsana, 2010:50). Indonesia secara rasmi telah mengirim nota bantahan diplomatik kepada Malaysia pada Februari 1980 dengan tidak memperakui peta dan tuntutan wilayah Malaysia, khususnya yang berkaitan dengan hak pemilikan Pulau Sipadan dan Ligitan.

Menurut Indonesia, Pulau Sipadan dan Ligitan dan keseluruhan blok laut Ambalat adalah sebahagian daripada wilayah maritimnya berdasarkan kepada perspektif sejarah perjanjian-perjanjian Inggeris-Belanda sejak tahun 1891 dan juga Artikel 76 dan 77 Undang-undang Laut Antarabangsa (1982 *United Nations Common Law of the Sea (UNCLOS)*). Namun, Malaysia tidak mengendahkan hujah pihak Indonesia dan telah meneruskan tuntutan kedaulatan ke atas kedua-dua pulau tersebut berdasarkan kepada peta 1979nya. Kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Indonesia kemudiannya bersetuju merujuk kes tuntutan bertindih Sipadan dan Ligitan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) yang akhirnya memutuskan untuk menyerahkan hak milik kedua-dua pulau tersebut kepada Malaysia pada lewat tahun 2002 berdasarkan kepada hujah 'penguasaan efektif' (*effective occupation*) (ICJ 2002; Guerin 09/03/2005). Sejak kekalahannya di ICJ, Indonesia

telah mengubah titik pangkal atau titik dasar (*baselines*) dengan tidak lagi menggunakan Pulau Sipadan dan Ligitan untuk menetapkan batas wilayah maritimnya di Laut Sulawesi. Sebaliknya, Jakarta telah menggaris semula titik pangkalnya dari pantai timur Pulau Sebatik ke Karang/Takat Unarang dan tiga titik yang lain di bahagian tenggara laut Sulawesi. Tindakan ini secara tidak langsung menyebabkan blok Ambalat tidak lagi terletak keseluruhannya dalam laut teritorial Indonesia (Sustina & Arsana, 2011:14). Sementara itu, keputusan ICJ 2002 memberi kesempatan kepada Malaysia untuk mengubah konfigurasi garis pangkalnya dengan menjadikan kedua-dua pulau tersebut sebagai titik pangkal baharu bagi menentukan batas wilayah maritimnya di Laut Sulawesi yang merangkumi sebahagian daripada Blok Ambalat (Sustina & Arsana, 2011:14-15).

Persengketaan Indonesia-Malaysia ke atas Wilayah Ambalat (2005)

Kontroversi Ambalat mula bergolak seawal bulan September 2003 apabila pihak Malaysia melancarkan penerokaan dan kajian seismik di Blok Y (ND6) dan Z (ND7) yang berlokasi di wilayah perairan Kalimantan Timur yang dikenali sebagai Blok Ambalat dan Ambalat Timur oleh Indonesia. Walaupun kejadian tersebut tidak menimbulkan sebarang insiden yang tidak diinginkan, kehadiran pihak berkuasa Malaysia yang semakin menonjol seperti i) latihan menembak Polis Diraja Malaysia (PDRM) (Marin) yang berpangkalan di Tawau di perairan Sipadan dan Ligitan pada Jun 2004; ii) tindakan kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) KD Sri Melaka 'mengejar dan menembak' bot-bot nelayan Indonesia di sekitar perairan Kalimantan Timur pada Januari 2005; dan iii) peninjauan dan maneuver kapal perang dan kapal terbang pengintai Beechcraft Malaysia ketika kapal perang Indonesia KRI Wiratno merondai kawasan Karang Unarang pada Februari 2005, dianggap pemerhati sebagai percubaan awalan Malaysia menguji reaksi Indonesia terhadap tindak-tanduk dan rancangannya di wilayah Ambalat (CSIS, 2005:117).

Persengketaan Indonesia-Malaysia ke atas wilayah Ambalat tercetus buat julung kalinya pada bulan Februari-April 2005 dengan tindakan perusahaan minyak Malaysia, PETRONAS memberi konsesi penerokaan kepada *Royal Dutch/Shell Group* dan anak syarikatnya, PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. di blok laut dalam ND6 (Blok Y) dan ND7 (Blok Z) pada 16 Februari 2005. Seperti yang dinyatakan, konsesi Malaysia ini bertumpang

tindih dengan Blok Ambalat yang telah dikonsesikan oleh Indonesia kepada Shell pada tahun 1999 dan Blok Ambalat Timur yang dikonsesikan bersama kepada ENI SpA dan Unocal pada Desember 2004 (*Rigzone News* 16/02/2005). Keazaman Malaysia menuntut blok-blok tersebut jelas terpapar beberapa hari kemudian apabila pihak berkuasa Malaysia memberkas 17 pekerja pembinaan Indonesia yang sedang membangunkan mercu suar di Karang Unarang pada 21 Februari 2005 (*Gatra*, 19/3/2005:28; *Tempo*, 20/03/2005:27; *Harvard Asia Quarterly*, 2005), diikuti dengan kenyataan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad Badawi pada 28 Februari 2005 bahawa konsesi yang diberikan oleh PETRONAS di perairan Laut Sulawesi merupakan wilayah teritorial Malaysia (CSIS, 2005:117).

Kementerian Luar Negeri Indonesia menuduh tindakan unilateral Malaysia di Ambalat sebagai ‘pencabulan terhadap kedaulatan Indonesia’ dan telah mengirim nota bantahan diplomatik ke Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta (*Gatra*, 12/03/2005:38). Pada masa yang sama, Jakarta telah memberi amaran kepada *Royal Dutch/Shell* agar tidak melancarkan kerja penerokaan di kawasan tersebut yang dianggap sebagai wilayah maritim Indonesia. Menurut pegawai kanan Departemen Luar Negeri Indonesia, Arif Havas Ogroseno, surat amaran telah dikirim kepada Shell Malaysia dan Shell Belanda untuk menegaskan kedaulatan Indonesia ke atas perairan di sekitar Ambalat (*Guerin*, 09/03/2005). Sementara itu, Menteri Luar Malaysia, Syed Hamid Albar, telah mengesahkan penerimaan nota diplomatik tersebut dan menegaskan bahawa Malaysia turut mengirim nota diplomatik yang serupa ke Jakarta untuk membantah pemberian konsesi oleh pihak berkuasa Indonesia kepada ENI dan Unocal (*The Star*, 02/03/2005).

Hubungan Indonesia-Malaysia semakin tegang menjelang awal Mac 2005 apabila kedua-dua pihak mengambil tindakan asertif memobilisasikan angkatan tentera masing-masing ke kawasan yang dipertikaikan. Pada 3 Mac 2005, President SBY telah mengarahkan Tentera Nasional Indonesia (TNI) untuk mempertahankan kedaulatan dan integriti wilayah Indonesia. Seruan ini disahut dengan penghantaran empat jet pejuang F-16 TNI-Angkatan Udara (TNI-AU) dan tiga buah lagi kapal perang TNI-Angkatan Laut (TNI-AL) untuk menyertai empat buah kapal perang yang sudah pun distesenkan di perairan Kalimantan Timur (*Tempo*, 07/03/2005; *Guerin*, 09/03/2005). Malaysia pula membalas dengan menambah dua kapal perang

TLDM selain empat kapal perang dan kapal peronda yang sedia ada ke kawasan pertikaian tersebut, dan pihak media Malaysia mengumumkan pada 4 Mac 2005 bahawa Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah memperkukuhkan unit-unitnya yang ditempatkan di Sabah dan Sarawak (*Guerin*, 09/03/2005; *Tempo*, 20/03/2005:26-29). Ketegangan di perbatasan Indonesia-Malaysia di wilayah Ambalat semakin meningkat pada 5 Mac 2005 dengan tindakan kapal perang kedua-dua negara iaitu KD Kerambit (Malaysia) dan KRI Nuku (Indonesia) saling berhadapan di perairan sekitar Karang Unarang (CSIS, 2005:117). Sehari kemudian, sebuah pesawat pengintai TLDM jenis Beechcraft didakwa melakukan provokasi dengan mencabuli ruang udara Indonesia buat kali kelima dalam masa dua minggu, dan membuat maneuver berhampiran dengan kapal-kapal perang TNI-AL berdekatan dengan Ambalat (CSIS, 2005:118). Pendirian tegas kepimpinan Indonesia terhadap kes Ambalat turut ditonjolkan oleh Presiden SBY yang telah menaiki kapal perang KRI K.S. Tubun dari Nunukan pada 7 Mac 2005 menuju ke Pulau Sebatik untuk meninjau kawasan perbatasan Indonesia-Malaysia, termasuklah di blok Ambalat (CSIS, 2005:118). Namun, aktiviti peninjauan tersebut dibayangi oleh dua kapal perang TLDM iaitu KD Pari dan KD Paus yang dituduh beraksi provokatif dengan ‘melintas di depan KRI KS Tubun’ pada jarak sekitar 3.2 kilometer (*Gatra*, 19/03/2005:29).

Pada tanggal 8 Mac 2005, demonstrasi anti-Malaysia oleh beberapa anggota DPR-RI⁴ bersama dengan pelbagai kelompok masyarakat dan golongan mahasiswa berlaku di depan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta. Di samping laungan ‘Ganyang Malaysia’ yang digelorakan oleh Presiden Soekarno pada era konfrontasi dekad 1960-an dan pembakaran bendera Malaysia oleh para peserta demonstrasi, kedengaran juga suara kelompok pendemonstrasi yang menuduh pentadbiran Presiden SBY “sengaja membelokkan isu kenaikan harga bahan bakar minyak (BBM) ke kasus sengketa minyak di Ambalat” (*Gatra*, 19/03/2005:29; *Seneviratne*, 19/03/2005; *Forum Keadilan*, 20/03/2005). Demonstrasi nasionalisme popular “anti-Malaysia turut tercetus di Pekanbaru, Balikpapan dan Makassar pada sepanjang minggu dengan laporan percubaan para pendemo merosakkan pejabat Konsulat Malaysia dan pejabat Tentera Diraja Malaysia di daerah-daerah tersebut (CSIS, 2005:118).

Sentimen nasionalisme anti-Malaysia juga dilaung-laungkan dalam kalangan ahli DPR-RI seperti Speaker Dewan, Agung Laksono, yang mendesak pentadbiran SBY mengambil langkah tegas, termasuklah penggunaan kekerasan/kuasa ketenteraan sekira diperlukan untuk 'menyelesaikan' masalah tersebut (*Guerin*, 09/03/2005). Sementara itu, dalam pernyataan berasingan, Pengerusi Komisi I (Hal-ehwal Politik dan Keselamatan) DPR-RI, Theo Sambuaga, telah mendesak kerajaan Indonesia untuk memanggil pulang Duta Besar RI ke Kuala Lumpur (*Guerin*, 09/03/2005). Perasaan marah rakyat Indonesia turut dilafazkan di ruang siber, di samping serangan *hacking* ke atas laman-laman web rasmi agensi Kerajaan Malaysia oleh para *hacker* Indonesia yang lantang mencetuskan 'perang siber' dengan komuniti siber Malaysia (*Gatra*, 19/03/2005:35). Menurut laporan *Asia Times*, sebanyak 80 laman web di Indonesia dan Malaysia telah diserang dan dirosakkan oleh *hackers* dari kedua-dua negara ketika isu Ambalat bergelora (*Gatsiounis*, 24/03/2005).

Sementara itu, pucuk kepimpinan tertinggi kedua-dua negara tersebut mengambil langkah meredakan ketegangan dengan panggilan *hotline* antara Presiden SBY dan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad Badawi pada 8 Mac 2005. Hasil daripada panggilan tersebut, pemimpin kedua-dua negara bersepakat untuk segera membicarakan persoalan Ambalat melalui saluran diplomatik, bermula dengan perundingan bilateral peringkat Menteri Luar Negeri pada keesokan hari iaitu 9 Mac 2005 (*Guerin*, 09/03/2005). Di samping itu, kedua-dua negara juga telah menarik sejumlah armada tempur masing-masing yang dimobilisasikan ke kawasan perbatasan sebagai langkah meredakan ketegangan (*CSIS*, 2005:118). Seperti yang dirancang, kedua-dua Menteri Luar iaitu Republik Indonesia, Hassan Wirajuda dan Menteri Luar Malaysia, Syed Hamid Albar, bertemu di Jakarta dan mencapai kata sepakat untuk menubuhkan pasukan teknikal bagi membicaraan dan mencari resolusi secara damai ke atas masalah perbatasan maritim RI-Malaysia, khususnya di Laut Sulawesi (*Gatra*, 19/03/2005:30, 36-37; *Forum Keadilan*, 20/03/2005:14). Syed Hamid Albar juga berkesempatan menenangkan suasana dengan kata-kata damai ketika suatu wawancara dengan media Indonesia di Jakarta pada 10 Mac 2005 bahawa Malaysia tidak menginginkan konfrontasi dengan Indonesia dan hubungan kedua-dua negara jiran tersebut tidak seharusnya dirosakkan kerana soal Ambalat (*Gatra*, 19/03/2005; *Tempo*, 20/03/2005:50; *CSIS*, 2005:118; *Seneviratne*, 19/03/2005). Begitu juga dengan pernyataan Perdana Menteri Malaysia,

Abdullah Ahmad Badawi pada 14 Mac 2005 yang menegaskan bahawa Malaysia akan mempertahankan sebarang kawasan yang sememang hak miliknya tetapi tidak akan sewenang-wenangnya menuntut atau menduduki wilayah milik Indonesia (CSIS, 2005:118).

Walau bagaimanapun, retorika damai kedua-dua pihak tidak menyembunyikan hakikat bahawa angkatan bersenjata masing-masing tetap bersiaga di perairan yang dipertikaikan. Misalannya, dua buah kapal perang TLDM didakwa mencerobohi batas maritim Indonesia di Laut Sulawesi pada 12 Mac 2005, dan sekali lagi pada 19 Mac 2005, apabila kapal-kapal TLDM dituduh cuba menggagalkan mercu suar di Karang Unarang (CSIS, 2005:119). Begitu juga TNI yang telah memperkuat pos-pos pertahanannya di kawasan perbatasan tersebut, termasuklah pengiriman pesawat tempur dan pengintai TNI-AU serta penempatan semula pasukan elit marin TNI dari Surabaya ke Tarakan untuk menyertai pasukan marin TNI yang lain di pos-pos yang sedia ada (*The Jakarta Post*, 14/03/2005; *Gatra*, 19/03/2005:30-31). Penampilan asertif kedua-dua negara di perairan Ambalat cenderung mengundang konflik apabila kapal-kapal perang saling berhadapan antara satu sama lain ketika membuat perondaan dan peninjauan di batas laut yang bertindih.

Seperti yang direncanakan, pasukan teknikal Indonesia-Malaysia telah mengadakan pertemuan tertutup yang pertama pada 22-23 Mac 2005 di Nusa Dua, Bali untuk mencari resolusi sengketaan wilayah maritim di Blok Ambalat (ND6/Blok Y) dan Ambalat Timur (ND7/Blok Z) serta menetapkan garis perbatasan atau sempadan laut di perairan Laut Sulawesi. Pada waktu yang sama, demonstrasi anti-Malaysia dan pembentukan pos 'Ganyang Malaysia' seperti Komando Bela Negara berlangsung di depan hotel di Nusa Dua yang menempatkan persidangan tim teknikal kedua-dua negara tersebut (*Forum Keadilan*, 03/04/2005:86-87; CSIS, 2005:119). Pertemuan pertama pasukan teknikal gagal membuah hasil tetapi kedua-dua kerajaan bersepakat untuk meneruskan perundingan berkala pada waktu terdekat, bermula pada 25-26 Mei depan di Langkawi, Malaysia, bagi mencari resolusi bersama (*Forum Keadilan*, 03/04/2005:86; *Media Indonesia*, 10/06/2005).

Sementara itu, angkatan bersenjata Indonesia dan Malaysia meneruskan aktiviti perondaan dan peninjauan masing-masing di perairan Ambalat. Kehadiran dan tindakan maneuver agresif kapal-kapal perang milik kedua-dua negara ketika bersiaga di perbatasan akhirnya membawa

kepada insiden pelanggaran yang hampir mencetuskan konflik persenjataan Indonesia-Malaysia buat pertama kali sejak era konfrontasi pada dekad 1960-an. Dalam kejadian yang berlaku pada 8-9 April 2005, Kapal TNI-AL, KRI Tedong Naga yang sedang membuat perondaan telah berlanggaran dengan kapal peronda TLDM, KD Rencong yang dituduh mengganggu pembangunan menara suar di Karang Unarang (*Tempo*, 17/04/2005:20). Kejadian tersebut mengakibatkan kerosakan kecil pada kedua-dua kapal yang terlibat. Insiden tersebut membawa kepada saling bantahan sesama Kementerian Luar Negeri masing-masing, dengan Departemen Luar Negeri Indonesia memanggil Duta Besar (Dubes) Malaysia di Indonesia, sementara Kementerian Luar Negeri Malaysia pula memanggil Dubes RI di Malaysia, Rusdiharjo, untuk menyampaikan bantahan serupa terhadap Indonesia (*Suara Karya*, 12/04/2005). Pihak Indonesia menuduh kapal Malaysia tersebut bertindak agresif membayangi dan menabraknya, walaupun komentar Panglima TNI-AL, Laksamana Salamet Soebijanto selepas insiden tersebut memberi gambaran bahawa KRI Tedong Naga berkemungkinan telah menggunakan pendekatan yang keras untuk 'mengejar dan menghalau' kapal TLDM tersebut 'dari wilayah maritim Indonesia' (*The Jakarta Post*, 10/04/2005). Beberapa hari kemudian, Menteri Pertahanan (Menhan) Indonesia, Juwono Sudarsono, mendakwa bahawa Kerajaan Malaysia telah 'memohon maaf' berkenaan dengan insiden tersebut. Namun, Menhan Malaysia, Mohd. Najib Abdul Razak menafikan dakwaan rakan sejawatnya di Indonesia tersebut (*The Star*, 19/04/2005) dan menegaskan bahawa TLDM cuma telah diarahkan untuk 'mengelak daripada konfrontasi' (*exercise restraint*) dan mematuhi rapi 'rules of engagement.' Pihak media Indonesia, *Kompas*, kemudiannya memperakui ketidaktepatan maklumat dan bersetuju menarik balik laporan mereka pada 15 April 2005 tersebut, manakala Malaysia pula berkompromi tidak mengambil tindakan terhadap insiden 'salah lapor' syarikat media itu (*Bernama*, 04/05/2005).

Insiden pelanggaran kapal tersebut disusuli oleh retorika asertif daripada kedua-dua kerajaan untuk menegaskan pendirian berkenaan dengan tuntutan dan hak pemilikan masing-masing ke atas wilayah maritim yang dipertikaikan. Bermula dengan kenyataan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad Badawi seperti yang dilaporkan oleh *Bernama* pada 14 April 2005 yang menegaskan bahawa tiada alasan bagi Malaysia untuk meninggalkan Blok Ambalat, Presiden Indonesia, SBY, membalas sehari kemudian dalam sebuah ceramah di Lembaga Ketahanan Nasional, Jakarta,

dengan mengatakan bahawa “daerah yang dipersengketakan itu adalah wilayah Indonesia” dan seyogianya itu, Kerajaan Indonesia “akan lakukan diplomasi dan perundingan dengan sangat kuat untuk mempertahankan hak dan kedaulatan kita” (dipetik dari *Kompas*, 16/04/2005; CSIS 2005:119). Kedua-dua kerajaan Indonesia dan Malaysia juga telah mendeklarasikan hasrat untuk meneruskan perondaan di ‘perairan territorial sendiri’ di wilayah pertikaian bagi menekankan tuntutan masing-masing. Di sebalik retorika nasionalistik yang dilaungkan, suatu pertemuan antara Kepala Staf TNI-AL, Laksamana Madya TNI Slamet Soebijanto dengan Panglima TLDM, Laksamana Dato’ Sri Mohd. Anwar bin Haji Mohd. Nor telah berlangsung di Pangkalan TNI-AL Batam pada 14 April 2005 untuk menyelesaikan dan menutup insiden KD Rencong dan KRI Tedong Naga di sekitar perairan Ambalat seminggu lalu. Kedua-dua pemimpin angkatan laut negara masing-masing juga bersepakat menjamin bahawa insiden sedemikian rupa tidak berulang lagi (*Kompas*, 16/04/2005).

Persengketaan Ambalat di antara Indonesia dan Malaysia mula reda menjelang bulan Mei 2005 dengan kunjungan diplomatik peringkat tinggi oleh Naib Presiden Indonesia dan Wakil Presiden (Wapres), Jusuf Kalla bersama-sama dengan rombongan sejumlah menteri ke Kuala Lumpur pada 6 Mei yang bertujuan memperkukuhkan jalinan persahabatan antara kedua-dua buah negara. Menurut pengamatan pihak media, fokus utama pertemuan Jusuf Kalla dengan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Mohd. Najib Abdul Razak di Putrajaya adalah untuk membicarakan masalah sengketa Ambalat, dalam mana kedua-dua wakil kerajaan masing-masing telah mengulangi kesepakatan menyelesaikan isu tersebut melalui saluran diplomatik dan perundingan secara damai (*Media Indonesia*, 07/05/2005). Lawatan tersebut juga merupakan *prelude* kepada pertemuan kedua tim teknikal kedua-dua negara di Langkawi pada 25-26 Mei 2005, yang dilaporkan berjaya menghasilkan kemajuan dari segi kesepakatan ‘implisit’ yang tercapai untuk menetapkan garis-garis sempadan maritim berpandukan kepada Konvensi Undang-undang Laut PBB ataupun UNCLOS (1982) sebagai prasyarat kepada perundingan resolusi Ambalat (*Kompas*, 28/05/2005). Suasana positif hasil pertemuan kedua tersebut turut dikhabarkan oleh Menteri Luar (Menlu) Indonesia, Nur Hassan Wirajuda, ketika rapat kerja Komisi 1, DPR di Jakarta pada 8 Jun 2005 (*Suara Karya*, 09/06/2005). Beliau juga melaporkan bahawa perundingan pasukan teknikal yang ketiga telah dirancang untuk berlangsung di Jakarta pada Julai yang akan datang (*Media*

Indonesia, 10/06/2005). Sementara itu, pihak syarikat ENI SpA melaporkan pemberhentian aktiviti penerokaan di Blok Ambalat buat sementara waktu dalam suatu sesi rapat dengar pendapat dengan Komisi VII DPR di Jakarta, pada 16 Jun 2005 sebagai langkah mengelak ketegangan di perbatasan maritim tersebut (*Kompas*, 16/06/2005).

NASIONALISME DAN POLITIK KUASA DALAM PERTIKAIAN AMBALAT 2005: SUATU INTERPRETASI NCR

Perbincangan secara kronologi di atas memaparkan pendirian asertif yang telah diambil oleh kedua-dua negara, iaitu Indonesia dan Malaysia dalam menangani pertikaian mereka ke atas wilayah Ambalat pada tahun 2005. Dalam konteks Indonesia, pentadbiran SBY yang baharu naik ke tampuk pemerintahan Indonesia kurang daripada setengah tahun yang lalu, jelas menonjolkan tingkah laku luar yang tegas malahan agresif secara terkawal dan terukur (*controlled and calculated aggression*) dalam usaha menegakkan tuntutan hak pemilikan Indonesia di sepanjang episod sulung pertikaian maritim tersebut. Hal ini menimbulkan persoalan tentang sejauhmana dorongan atau desakan nasionalis domestik mempengaruhi opsyen dasar luar Indonesia ketika menangani sengketa Ambalat *vis-à-vis* Malaysia pada waktu itu, dan sama ada opsyen tersebut dipengaruhi secara langsung oleh elemen emosi nasionalisme dan politik identiti dan/ataupun '*calculated response*' oleh pentadbiran SBY untuk manfaat percaturan politik domestik dan diplomatik. Berlatar belakang persekitaran antarabangsa dan domestik Indonesia yang kurang menentu (*fluid*), suatu analisis ala NCR berhubung interaksi di antara nasionalisme dan perubahan dinamika luaran dan dalaman dapat membantu mengutarakan keupayaan nasionalisme dalam membentuk dasar luar Indonesia terhadap Malaysia berkenaan kes Ambalat.

Analisis cuba memetakan kedudukan eksternal-internal yang dipersepsikan oleh Pentadbiran SBY ketika episod pertikaian Ambalat 2005 dalam satu matriks NCR, melalui penilaian ke atas keadaan serta faktor mahupun pelaku antarabangsa dan domestik yang sedia ada, dan interaksi mereka yang mempengaruhi pembuatan dasar luar Indonesia terhadap Malaysia pada waktu teretusnya sengketa wilayah maritim tersebut. Pengurusan Indonesia terhadap peristiwa-peristiwa yang membawa kepada teretusnya sengketa Ambalat pada Februari-April 2005 menonjolkan

interaksi antara desakan nasionalis domestik dan persepsi serta perkiraan para elit-kerajaan Indonesia tentang persekitaran antarabangsa dan keazaman politik domestik mereka yang mengekang opsyen-opsyen dasar Jakarta terhadap Kuala Lumpur.

Persepsi dan Perhitungan Kedudukan Kuasa Relatif Indonesia *vis-à-vis* Malaysia

Dalam konteks luaran, suasana antarabangsa Asia Pasifik yang kondusif pada era pasca Perang Dingin hasil daripada pengurangan keterlibatan atau campur tangan kuasa-kuasa besar, khususnya Amerika Syarikat dalam percaturan keselamatan dan politik serantau telah memberi fleksibiliti kepada Indonesia untuk meningkatkan profil dan aktivisme antarabangsanya di dalam dan luar Asia Tenggara. Hal ini selaras dengan kedudukan Indonesia selaku ‘kuasa pertengahan’ (*middle power*) dan juga legasi kepimpinan serantaunya sejak dimanifestasikan pada zaman pentadbiran Soekarno lagi.

Walaupun rancangan rejim Suharto untuk meningkatkan aktivisme dasar luar Indonesia tergendala akibat kegawatan ekonomi dan politik pada tahun 1997-1998, proses reformasi ekonomi-politik dan demokratisasi yang menyusuli telah berupaya membangkitkan semula kedudukan dan imej antarabangsa Indonesia pada era pasca-Suharto (Sukma, 2012). Sesungguhnya, normalisasi ekonomi dan politik di Indonesia berjaya memperbaharui keyakinannya di persada antarabangsa, hasil daripada keupayaan nasion Indonesia melalui cabaran politik dan ekonomi di tengah-tengah proses transisi demokratik yang cukup memeritkan. Keyakinan nasional baharu (*new national confidence*) inilah yang mendasari penyambungan ‘aktivisme baharu’ dalam dasar luar Indonesia menjelang alaf baharu. Aktivisme ini jelas terpapar dalam usaha Indonesia untuk memainkan peranan dinamik dalam hal ehwal antarabangsa dan serantau, khususnya di Asia Tenggara seperti pengambilalihan peranan selaku pengerusi pertubuhan serantau ASEAN pada tahun 2003. Secara spesifiknya, Indonesia telah menjadi semakin proaktif dan asertif di dalam ASEAN, terutama dalam peranannya mempromosikan penubuhan *ASEAN Security Community* dan penekanannya untuk memasukkan demokrasi dan Hak Asasi Manusia ke dalam Piagam ASEAN (*ASEAN Charter*) (Sukma, 2012: 80-1). Prinsip ‘bebas dan aktif’ yang mendukungi dasar luar Indonesia sejak sekian lama turut ditonjolkan dalam usaha Jakarta memperdalamkan

hubungan bilateral dengan kuasa-kuasa besar dan kuasa-kuasa pertengahan seperti Amerika Syarikat, Rusia, China, Jepun, India, Australia dan Korea Selatan, serta penekanan yang terus diberikannya kepada proses-proses 'multilateral' di rantau ASEAN dan Asia Timur.

Aspirasi dan dinamisme baharu dalam tingkah laku luar Indonesia terus terserlah dalam pentadbiran SBY yang menegaskan bahawa Indonesia ingin memiliki 'suara yang lebih lantang' dalam hal ehwal dunia dan perlu menggunakan 'kebebasan dan aktivismenya' untuk merealisasikan peranan antarabangnya sebagai "*peace-maker, confidence-builder, problem-solver, bridge-builder*" (Yudhoyono, 2005). Tambahan lagi, Indonesia, sejak peristiwa 11 September 2001 dan serangan pengganas di Bali dan Jakarta, telah menjadi '*partner*' Amerika Syarikat yang boleh diharapkan dalam perang global membanteras keganasan (*global war on terror*). Kerjasama erat dan 'kemahuan politik' yang ditunjukkan oleh Kerajaan Indonesia, baik semasa pentadbiran Abdurahman Gus Dur, Megawati Soekarnoputri mahupun SBY untuk menyertai usaha Washington tersebut telah membawa kepada hubungan baik dengan adikuasa Amerika, yang sudah pastinya mempertingkatkan lagi keyakinan dan persepsi optimistik para elit-negara Indonesia. Sesungguhnya, keyakinan antarabangsa Indonesia dan hubungan positif yang terjalin dengan AS serta pelbagai negara hasil manifestasi 'aktivisme baru' dasar luar Indonesia pada zaman pasca Suharto telah mempengaruhi persepsi para elit-kerajaan Indonesia khususnya elit-elit Pentadbiran SBY akan persekitaran antarabangsa kondusif (*favourable*) yang dinikmati Indonesia. Persepsi optimistik ini cenderung menggalakkan SBY menganjurkan pendirian yang lebih asertif atau prokepentingan nasional dalam pembuatan dasar luar.

Walau bagaimanapun, suasana hubungan diplomatik *vis-à-vis* Malaysia tidak sebegitu positif yang diharapkan sejak tahun 2002, akibat tercetus pelbagai isu yang sering kali menimbulkan ketegangan di antara kedua-dua negara serumpun tersebut. Salah satu isu yang terus menimbulkan sensitiviti Indonesia terhadap Malaysia, khususnya berkenaan dengan kedaulatan dan integriti wilayah adalah stigma pertikaian wilayah Pulau Sipadan dan Ligitan, yang mana Indonesia masih merasakan 'kehilangan' kedua-dua pulau tersebut kepada Malaysia akibat keputusan ICJ pada tahun 2002. Dampak isu Sipadan dan Ligitan bukan sahaja cenderung menimbulkan kebimbangan dan '*paranoia*' dalam kalangan rakyat mahupun

elit politik Indonesia, tetapi terus menghantui hubungan bilateral kerana hubung kaitannya dengan tindakan susulan Malaysia menuntut dan memberi konsesi penerokaan di wilayah Ambalat pada Februari 2005 yang menjadi pemangkin kepada keretakan hubungan diplomatik Indonesia-Malaysia.

Selain itu, isu keberadaan pendatang Indonesia di Malaysia turut mengundang masalah dalam hubungan kedua-dua negara. Isu pendatang Indonesia sama ada sebagai Tenaga Kerja Indonesia (TKI) ataupun 'pendatang tanpa izin (PATI)' menjadi satu isu yang sangat penting dalam hubungan Indonesia-Malaysia. Malah, masalah TKI senantiasa menghantui hubungan bilateral berikutan pelbagai masalah yang menimpa para pekerja Indonesia di Malaysia. Jabatan Imigresen Malaysia menganggarkan lebih kurang dua juta rakyat Indonesia bekerja di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan 1.2 juta bekerja secara sah dan selebihnya adalah bekerja tanpa izin (Nor Azizan Idris, 2005: 148). Keadaan ini menimbulkan kerumitan dalam hubungan bilateral kerana peningkatan kadar jenayah yang cenderung melibatkan para PATI Indonesia. Isu tersebut menjadi semakin serius apabila PATI Indonesia terlibat dalam kes rusuhan di Negeri Sembilan pada tahun 2002 yang menyebabkan Kerajaan Malaysia semakin berhasrat untuk 'memulangkan' pekerja Indonesia (Liow, 2005: 149; Holst, 2007: 333).

Hasrat Kerajaan Malaysia tersebut pernah mencetuskan pertikaian diplomatik tentang tuduhan 'layanan keras' yang dikenakan ke atas PATI Indonesia yang diberkas dan juga nasib mereka yang masih berada di Malaysia (*Gatsiounis*, 24/03/2005; Sukma, 2009). Hubungan Indonesia-Malaysia diuji sekali lagi pada 1 Mac 2005 apabila Kerajaan Malaysia melancarkan operasi penahanan dan penghantaran pulang secara besar-besaran PATI yang melibatkan hampir satu juta orang, dalam mana 400,000 daripadanya dikatakan warga Indonesia (*Guerin*, 09/03/2005; *Seneviratne*, 19/03/2005). Operasi tersebut yang menyusuli suatu kempen 'pengampunan' selama empat bulan yang bermula sejak lewat tahun 2004, dituduh bersifat terlalu 'high-handed' kerana PATI yang ditahan bukan sahaja menghadapi denda yang berat, tetapi juga hukuman penjara dan sebat (*Seneviratne*, 19/03/2005; *Tempo*, 20/03/2005; *The Star*, 17/01/2005). Pusingan terkini isu PATI Indonesia yang berlangsung hampir serentak dengan sengketa wilayah Ambalat ternyata menambahkan ketegangan serta merumitkan lagi hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Suasana diplomatik yang murung turut diselubungi oleh beberapa isu yang sentiasa berulang seperti gejala pembalakan haram dan penyeludupan kayu balak secara berleluasa di hutan wilayah Sumatera, Kalimantan dan juga Irian, yang didakwa melibatkan syarikat-syarikat milik Malaysia (*Gatra*, 19/03/2005:40), isu perbatasan/ sempadan di antara Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan dan di Selat Melaka; serta isu pengeksploitasian dan penindasan TKI Indonesia oleh majikan Malaysia.

Walau bagaimanapun, kedua-dua kerajaan masih mampu mengetepikan suasana tegang sejak beberapa tahun kebelakangan untuk terus bekerjasama dalam pelbagai aspek bilateral serta multilateral. Sebagai contoh, pentadbiran SBY amat menghargai bantuan kemanusiaan, serta komitmen dan kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia dan badan-badan bukan kerajaan dari negara jiran tersebut dalam menangani malapetaka tsunami yang melanda wilayah Aceh pada Disember 2004. Selain itu, kerjasama dalam kempen 'perang melawan keganasan' mendatangkan kesan positif dalam merapatkan hubungan kerja Indonesia dan Malaysia kerana kemunculan '*common enemy*', iaitu fenomena keganasan dan kehadiran elemen pengganas di kedua-dua negara yang memerlukan kerjasama erat dengan masyarakat antarabangsa untuk membanteras ancaman keselamatan tersebut. Dalam aspek ini, kedua-dua kerajaan telah menunjukkan komitmen tinggi dengan mengambil pelbagai tindakan keselamatan serta menjalankan kempen-kempen 'perang melawan keganasan' seperti memberkas anggota sel-sel pengganas seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) yang didakwa mempunyai hubungan dengan pelbagai pergerakan yang seumpamanya di Indonesia, Filipina dan Singapura. Misalannya, kumpulan KMM dan 'Al Maunah' disyaki mempunyai hubungan dengan Jemaah Islamiyah (JI) serta Al Qaeda yang sangat dikehendaki oleh pihak keselamatan Amerika Syarikat (Ganesan, 2003: 147-55). Sehubungan dengan aspek keselamatan dan keganasan, kedua-dua kerajaan turut bekerjasama dalam mengawal keselamatan perairan Selat Melaka melalui *Malaysia-Indonesia Coordinated Patrol* (MALINDO CORPAT) yang telah diumumkan pada Disember 2004 (*Kompas*, 09/12/2004; Hanizah Idris, 2009).

Begitu juga dengan kerjasama trilateral Indonesia dan Malaysia dengan negara jiran Singapura dalam mengkoordinasikan perondaan dan operasi pengaman di Selat Melaka seawal Jun 2004 (*Kompas*, 30/06/2004). Selain kerjasama peringkat bilateral, Indonesia dan Malaysia merupakan

dua negara anggota ASEAN yang sentiasa proaktif dalam menggalakkan kerjasama bersifat multilateral dengan menggunakan platform ASEAN. Misalannya, Indonesia selaku pengerusi sekretariat ASEAN dan Malaysia sebagai bakal tuan rumah, sedang bekerjasama secara rapi dengan negara-anggota ASEAN yang lain untuk menjayakan penganjuran *East Asia Summit* (EAS) yang ulung di Kuala Lumpur pada akhir tahun 2005, ketika krisis Ambalat tercetus pada Februari-April. Kepentingan kerjasama Indonesia-Malaysia melalui saluran ASEAN sudah pastinya merupakan suatu kekangan kepada Jakarta untuk mengambil opsi dasar luar yang asertif mahupun agresif dalam menangani sebarang isu bilateral termasuklah sengketa Ambalat. Tambahan lagi, seperti yang telah dinyatakan, hasrat Indonesia untuk memimpin melalui platform ASEAN dan merealisasikan peranan antarabangnya sebagai '*peacemaker; confidence-builder; problem-solver; bridge-builder*' sudah tentunya memerlukan Kerajaan SBY untuk menjadi *role-model* dengan mengamalkan '*the ASEAN-Way*' melalui penonjolan tingkah laku luar yang bermoral dan beretika serta bersikap rasional lagi sederhana dalam menangani sebarang konflik bilateral (Gunawan, 20/03/2005: 22).

Persepsi pentadbiran SBY berkenaan *diplomatic leverage* Indonesia *vis-à-vis* Malaysia juga dipengaruhi oleh hubungan dan saling bergantung ekonomi di antara kedua-dua negara. Sebagai negara jiran tetangga, Indonesia dan Malaysia cenderung memiliki saling bergantung ekonomi yang mendalam, yang jelas terapar dalam aspek perdagangan, pelaburan, kewangan dan pergerakan tenaga kerja. Misalannya, perdagangan Malaysia dengan Indonesia pada tahun 2003 mencecah USD5.1 bilion, iaitu 70 peratus lebih tinggi daripada jumlah lima tahun lalu (1998). Malaysia adalah rakan dagangan keenam terbesar bagi Indonesia sementara Indonesia pula berkedudukan ke-10 dalam senarai rakan dagangan terbesar Malaysia. Dalam kalangan negara ASEAN, Indonesia merupakan rakan dagangan Malaysia yang ketiga terbesar manakala Malaysia merupakan destinasi eksport Indonesia yang kedua dan sumber import yang ketiga terbesar (*Ministry of International Trade and Industry* (MITI), Malaysia 03/01/2005). Dari segi aliran silang pelaburan asing, terdapat lebih banyak syarikat Malaysia yang mengembangkan pelaburan dan operasi mereka di Indonesia.

Menurut Lembaga Koordinasi Pelaburan Indonesia (*Indonesian Investment Coordinating Board*), Malaysia merupakan pelabur yang ke-11 terbesar di Indonesia daripada segi pelaburan asing langsung secara kumulatif

(*cumulative foreign direct investments*) setakat Disember 2003, dengan jumlah 629 projek yang bernilai USD10.3 bilion. Malahan, Malaysia merangkap pelabur kesepuluh terbesar di Indonesia pada tahun 2003, dengan jumlah pelaburan yang bernilai USD155.3 juta. Tumpuan pelaburan asing Malaysia di Indonesia adalah dalam sektor perladangan, pembuatan, perdagangan dan pembaikan, pengangkutan/penghantaran barangan (*Ministry of International Trade and Industry* (MITI), Malaysia 03/01/2005). Sementara itu, pelaburan Indonesia di Malaysia dalam tempoh 1999 ke 2004 berjumlah 26 projek dengan nilai USD1.5 juta. Statistik hubungan ekonomi Indonesia-Malaysia di atas jelas menampakkan saling bergantung yang bersifat berat sebelah, yakni yang lebih memihak kepada Malaysia. Trend tersebut berterusan ke awal tahun 2005 ketika tercetusnya pertikaian wilayah Ambalat.

Begitu juga dengan saling bergantung dalam bidang sosial seperti pendidikan yang menampakkan Malaysia muncul sebagai destinasi popular pelajar Indonesia melanjutkan pelajaran mereka. Menurut perangkaan Disember 2003, terdapat seramai 7,744 pelajar Indonesia melanjutkan pelajaran di Malaysia, yang menjadikan mereka sebagai perkumpulan pelajar asing yang kedua terbesar yang merangkumi 20 peratus dari jumlah keseluruhan pelajar asing di Malaysia (*Ministry of International Trade and Industry* (MITI), Malaysia 03/01/2005). Sementara dalam sektor kesihatan dan perubatan pula, terdapat sejumlah 74,604 pesakit Indonesia yang menjalani rawatan kesihatan di Malaysia pada tahun berakhir 2003. Sebagai kumpulan yang terbesar, pesakit Indonesia merangkumi lebih daripada 72 peratus keseluruhan pesakit asing di Malaysia.

Berdasarkan kepada senario saling bergantung sosioekonomi bersifat berat sebelah yang dialami Indonesia, bukanlah suatu kemusykilan untuk kita andaikan bahawa elit-negara Indonesia (pentadbiran SBY) cenderung mempersepsikan *diplomatic leverage* yang dimiliki *vis-à-vis* Malaysia sebagai kurang menggalakkan ketika tercetusnya sengketa Ambalat pada awal 2005. Malahan, laporan pertemuan Presiden SBY dengan Pegawai Eksekutif Utama Petronas, Tan Sri Dato' Sri Mohd. Hassan Marican pada 3 Mac 2005, untuk membincangkan masalah rancangan pelaburan Petronas di Indonesia, ketika kes Ambalat mula meluap (CSIS, 2005: 117), turut mengundang kemungkinan tekanan yang dihadapi Kerajaan SBY untuk mengambil pendekatan sederhana atau *moderate* dalam menangani sengketa tersebut demi melindungi hubungan ekonomi dan habuan pelaburan asing yang amat diperlukan untuk pertumbuhan ekonomi Indonesia.

Pada keseluruhannya, keyakinan nasional baharu yang dikecapi Indonesia hasil kejayaan proses reformasi politik dan ekonomi yang mencabar sejak 1998 telah mengundang pelaksanaan dasar luar bebas dan aktif yang membawa kepada persepsi pentadbiran SBY tentang persekitaran antarabangsa Indonesia yang menggalakkan. Namun, *diplomatic leverage vis-à-vis* Malaysia dipersepsikan sebagai kurang menggalakkan akibat pelbagai isu bilateral yang terus menghantui interaksi diplomatik Jakarta dan Kuala Lumpur sejak 2002, serta kebergantungan ekonomi Indonesia terhadap Malaysia dalam aspek perdagangan dan pelaburan. Di samping itu, komitmen Indonesia terhadap prinsip dan norma ASEAN turut mengekang dan melimitasikan tingkah laku luar Jakarta. Oleh yang demikian, adalah memadai untuk kita mentafsirkan bahawa pentadbiran SBY menghadapi Kedudukan Kuasa Relatif yang bersifat '*ambiguous* (samar-samar) ketika berhadapan dengan isu Ambalat pada Februari-April 2005.

Persepsi dan Perhitungan Keazaman Politik Domestik (*Domestic Political Resolve*) vis-à-vis Desakan Nasionalis Domestik

Dalam konteks domestik pula, Presiden SBY dan kabinetnya boleh dikatakan masih menikmati sokongan popular hasil kejayaan dalam pilihan raya presiden yang baharu berlangsung pada bulan Oktober 2004. Kejayaan SBY dalam pemilu atau pilihan raya presiden tersebut menyediakan persekitaran politik domestik yang menggalakkan untuk beliau bertindak tegas, dan yang lebih penting lagi, memberikan mandat politik untuk mengajukan dasar luar yang 'bersesuaian' terhadap Malaysia. Sebagai seorang pemimpin yang dikatakan bersikap sederhana atau *moderate* serta bersenjatakan wawasan jauh dan daya intelek yang tinggi, Presiden SBY berkecenderungan mengajukan dasar luar sederhana dan *conciliatory*, dan bukannya yang bersifat agresif dalam menangani apa jua isu dan sengketa baik di persada domestik mahupun antarabangsa. Menurut Hasjim Djalal, sungguhpun SBY memiliki *credential* nasionalis seperti mana semua pemimpin Indonesia sebelumnya, beliau turut merupakan seorang yang bersikap pragmatis, rasional dan analitikal, yang sentiasa mengambil kira serta memberi pertimbangan sewajarnya kepada pelbagai faktor sebelum membuat keputusan. Malahan, personaliti atau idiosinkrasi tersebut yang mencorakkan *modus operandi* pentadbiran SBY menyebabkan beliau sering dituduh 'lambat' dalam mengambil sebarang tindakan ataupun keputusan

oleh para pengkritiknya.⁵ Dalam konteks hubungan dengan Malaysia, personaliti atau idiosinkrasi SBY berserta dengan kesedarannya tentang peri pentingnya hubungan bilateral Indonesia-Malaysia yang sihat dalam membantu merealisasikan kepentingan nasional Indonesia yang bercorak komprehensif, cenderung mempengaruhi opsyen dasar luarnya ketika menangani krisis Ambalat pada Februari-April 2005.

Walau bagaimanapun, suasana politik domestik di Indonesia sedang bergolak ketika tercetusnya sengketa Ambalat akibat demonstrasi dan bantahan keras daripada pelbagai pihak terhadap rancangan penarikan subsidi dan kenaikan harga BBM yang mula dikuatkuasakan oleh pentadbiran SBY pada 1 Mac 2005. Rancangan tersebut merupakan salah satu program reformasi ekonomi untuk mengurangkan beban tanggungan negara yang berakar umbi daripada Undang-undang Program Pembangunan Nasional yang diluluskan pada tahun 2000. Antara rancangan program tersebut termasuklah penghapusan atau realokasi subsidi tenaga secara berkadar menjelang akhir tahun 2004 (*Tempo*, 06/03/2005:23). Di samping menimbulkan ketidakpuasan hati rakyat, keputusan pentadbiran SBY menaikkan harga BBM telah mengundang penentangan politik yang hebat baik dari pihak pembangkang mahupun parti komponen koalisi pemerintah. Menurut laporan media, Komisi Kewangan, Panitia Anggaran dan Komisi Energi DPR, pada prinsipnya, menolak kenaikan harga BBM atas alasan kegagalan Kerajaan SBY menyediakan rancangan pampasan yang memadai bagi mengurangkan impak negatif program tersebut. Penentangan turut berlaku dalam kalangan anggota koalisi pemerintah yang menampakkan fraksi parti politik Golkar, PPP, PKB, PAN, PKS dan PBB mengugut untuk ‘memberikan sanksi’ atau pemuluan politik sekiranya pentadbiran SBY berkeras menaikkan harga BBM (*Tempo*, 06/03/2005:23; *Forum Keadilan*, 20/03/2005:74).

Menurut pemerhati politik, “protes kenaikan harga BBM membuat Pemerintah panik dan cemas” (*Tempo*, 20/03/2005:33). Pergolakan politik domestik akibat isu BBM sedikit banyak menjejaskan kedudukan politik/kuasa domestik Pentadbiran SBY *vis-à-vis* pihak pembangkang dan pengkritiknya yang cenderung mengeksploitasi isu tersebut untuk meraih sokongan popular di samping mencabar kewibawaan politik SBY dan kabinetnya. Tekanan politik domestik turut bertambah dengan sikap pihak pembangkang yang mempersoal dan mengkritik prestasi pencapaian 100

hari pentadbiran SBY yang bertemakan “konsolidasi, konsiliasi dan aksi (K2A)” yang mereka anggap lebih bersifat “bahan omongan dan retorika” (*Tempo*, 06/02/2005:26).

Persekitaran politik domestik diperburukkan lagi dengan desakan atau tekanan nasionalis domestik yang semakin menjadi-jadi akibat teretusnya sengketa Ambalat. Walaupun krisis tersebut bermula pada pertengahan bulan Februari 2005, ia hanya menjadi serius menjelang awal bulan Mac, iaitu secara kebetulannya, sejurus selepas pengumuman keputusan kenaikan harga BBM oleh pentadbiran SBY. ‘*Timing*’ sedemikian menyebabkan ramai pemerhati politik mengaitkan isu BBM dengan sengketa Ambalat, dalam mana pentadbiran SBY dituduh cuba mengalihkan ketidakpuasan domestik ke persada antarabangsa dengan memperbesar-besarkan pertikaian yang berunsur nasionalistik tersebut untuk memobilisasi semula sokongan popular dan perpaduan politik (*Noorsy*, 20/03/2005:74; *Tempo*, 20/03/2005:33; *Seneviratne*, 19/03/2005). Sesungguhnya, pentadbiran SBY menghadapi tekanan/desakan nasionalis yang cukup hebat di sepanjang bulan Mac dan April 2005, baik daripada pihak media, pertubuhan bukan kerajaan dan pendapat awam mahupun parti-parti politik dari koalisi pemerintah dan pembangkang, untuk mengambil posisi luar yang asertif dan *non-compromising* terhadap Malaysia ketika menangani sengketa Ambalat.

Salah satu agen pencanang sentimen nasionalisme ‘anti-Malaysia’ yang paling lantang adalah pihak media Indonesia, yang bukan sahaja membuat liputan harian secara terperinci tentang insiden-insiden di perbatasan maritim tersebut, tetapi juga mengemukakan komentar atau polemik yang bersifat ‘*hawkish*’ dan berbau nasionalis dalam usaha mereka memobilisasikan sentimen nasionalisme masyarakat massa dan mendesak Kerajaan SBY mengambil tindakan tegas terhadap Malaysia (*Seneviratne*, 19/03/2005). Selain daripada liputan akhbar-akhbar seperti *Kompas*, *Jakarta Post*, *Koran* dan *Republika*, majalah-majalah popular seperti *Tempo*, *Gatra* dan *Forum Keadilan* telah mendedikasikan hampir keseluruhan edisi mingguan bulan Mac 2005 masing-masing kepada perbicaraan soal Ambalat (lihat *Tempo*, 20/03/2005; *Gatra*, 19/03/2005; *Forum Keadilan*, 20/03/2005). Situasi ini tidak termasuk liputan komprehensif siaran radio dan televisyen oleh syarikat penyiaran seperti *MetroTV* dan media mahupun forum internet (misalnya *okezone*; *detikNews*; *Indonesiamatters.com*) yang turut berperanan dalam mencanangkan sentimen nasionalisme

anti-Malaysia dalam kalangan rakyat Indonesia. Dengan tajuk-tajuk asertif mahupun provokatif seperti “Pertahankan Hak dan Kedaulatan di Ambalat” (*Kompas*, 16/04/2005), “Hak RI atas Ambalat adalah Harga Mati” (*Kompas* 02/05/2005), “Adu Gertak di Ambalat” (*Gatra*, 12/03/2005), “Posko Ganyang Keangkuhan” (*Gatra*, 19/03/2005), peranan media tempatan Indonesia dalam meningkatkan *visibility* isu Ambalat jelas menyulitkan lagi keupayaan pentadbiran SBY untuk berkompromi dengan Malaysia dalam episod ulung sengketa wilayah tersebut.

Seperti yang dinyatakan dalam bahagian kronologi kes Ambalat sebelum ini, desakan atau tekanan nasionalis domestik turut dimanifestasikan dalam demonstrasi-demonstrasi popular anti-Malaysia yang berlangsung di depan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta serta pejabat-pejabat konsulat Malaysia di beberapa buah wilayah Indonesia seperti Surabaya, Solo, Pekanbaru, Ambon dan Medan yang disertai oleh pelbagai kelompok masyarakat termasuk mahasiswa dan anggota DPR (*Gatra*, 19/03/2005:32). Dengan laungan retorika ‘Ganyang Malaysia’ serta aksi-aksi provokatif seperti tindakan membakar bendera, demonstrasi yang berlangsung bukan sahaja merupakan reaksi emosi popular yang spontan terhadap tindak-tanduk Malaysia tetapi juga kecaman terhadap pentadbiran SBY yang dipersepsikan sebagai terlalu ‘lembut’ dan ‘lambat’ mengambil tindakan tegas terhadap Malaysia ketika permulaan krisis tersebut. Namun, tidak boleh dinafikan juga bahawa sesetengah peserta demonstrasi ‘dibayar’ untuk berbuat demikian oleh pihak yang berkepentingan politik yang sempit, sama ada golongan ultra-nasionalis yang inginkan kerajaan mengambil tindakan agresif terhadap Malaysia, ataupun lawan-lawan politik domestik yang cuba memeralatkan demonstrasi anti-Malaysia untuk menyerang dasar atau kebijakan pentadbiran SBY.⁶ Begitu juga, demonstrasi-demonstrasi popular ‘anti-Malaysia’ tersebut bertujuan serentak membantah tindakan keras ke atas PATI Indonesia ketika operasi yang dilancarkan oleh pihak berkuasa Malaysia pada awal Mac 2005, serta sebagai saluran ketidakpuasan rakyat terhadap kenaikan harga BBM.

Desakan atau tekanan nasionalis popular juga muncul dalam usaha kumpulan-kumpulan pendesak nasionalis yang bertindak menubuhkan pos-pos ‘Ganyang Malaysia’ di merata pelosok Indonesia, dari Bandung dan Surabaya, ke Makassar dan Bali untuk membantah tuntutan Malaysia ke atas Ambalat. Antaranya termasuklah Front Ganyang Malaysia (GAM),

dan Posko 'Ganyang Malaysia' di Jalan Onta Lama, Makassar, yang diterajui oleh aktivis Gerakan Nasional Antinarkotika Makassar yang berjaya mendaftarkan 3,800 'sukarelawan', Posko 'Ganyang Malaysia' yang ditubuhkan oleh Himpunan Mahasiswa Islam di Surabaya, dan gerakan-gerakan yang serupa oleh LSM Petani Berjuang (PBI) dan Angkatan Muda Ka'bah (AMK) di Bandung, serta Gerakan Masyarakat Anti-Arogansi Solo (Gemar's) di Solo (*Gatra*, 19/03/2005:32-33; *Tempo*, 20/03/2005:32-33). Sama seperti motif sesetengah peserta demonstrasi yang tidak semestinya bersifat nasionalistik, ada di antara 'sukarelawan' ini yang dibayar ataupun menyertai gerakan sedemikian untuk mengisi masa lapang (*Tempo*, 20/03/2005:33).

Pentadbiran SBY juga menghadapi tekanan daripada pelbagai individu dan fraksi parti politik, khususnya di DPR untuk mengambil tindakan asertif menangani sengketa Ambalat. Seperti yang telah dinyatakan, ahli-ahli politik baik dari fraksi kerajaan mahupun pembangkang telah bersama-sama menyertai demonstrasi-demonstrasi popular. Ada juga anggota DPR yang mengeluarkan pernyataan ataupun komentar provokatif ketika isu Ambalat sedang meluap, sama ada didorong oleh semangat nasionalisme masing-masing dan/mahupun untuk mencapai '*political mileage*' atau memperkukuhkan '*nationalist credentials*' bagi tujuan politik domestik. Misalannya, Ketua DPR, Agung Laksono, telah mendesak pentadbiran SBY agar mengambil tindakan tegas termasuklah menggunakan kekerasan/kuasa ketenteraan sekiranya diperlukan untuk 'menyelesaikan' masalah tersebut. Menurut beliau, DPR akan menyokong langkah sedemikian kerana ia sejajar dengan kehendak rakyat Indonesia (*Guerin*, 09/03/2005). Ketua DPR tersebut juga kurang bersetuju dengan saluran diplomasi/perundingan untuk menyelesaikan masalah Ambalat kerana beliau menganggap penglibatan Indonesia dalam proses 'tawar-menawar' sebagai pengakuan bahawa wujudnya 'pertikaian' di wilayah tersebut (*Gatra*, 19/03/2005:37).

Dalam pernyataan berasingan, Pengerusi Komisi I (Hal-ehwal Politik dan Keselamatan) DPR, Theo Sambuaga, mendesak Kerajaan Indonesia memanggil pulang Duta Besar RI ke Kuala Lumpur (*Guerin* 09/03/2005). Desakan Pengerusi Komisi I itu disahut oleh anggota Komisi yang lain seperti Efendi Choiri, Yuddy Chrisnandi, Ali Mochtar Ngabalin dan Abdillah Toha yang inginkan pentadbiran SBY bersikap tegas dalam sengketa wilayah tersebut. Misalannya, Abdillah Toha dalam wawancara

medianya secara provokatif telah menegaskan bahwa “bila diplomasi gagal, kami [DPR] desak pemerintah ambil langkah militer” (*Forum Keadilan*, 27/03/2005:85). Beberapa anggota Komisi-I, termasuk Dr Yuddy Chrisnandi, salah seorang penulis bersama artikel ini, juga telah mengambil langkah proaktif mengunjungi dan meninjau perbatasan Indonesia-Malaysia di Ambalat beberapa hari sebelum insiden *high-profile* pelanggaran/penabrakan kapal perang KD Rencong dan KRI Tedong Naga pada awal bulan April 2005. Malahan, boleh kita tafsirkan langkah ‘nasionalistik’ dan provokasi yang bersifat *highly-visible* oleh ahli Komisi-I DPR untuk mengunjungi perbatasan merupakan antara desakan nasionalis domestik yang berkemungkinan telah mempengaruhi sikap TNI-AL yang lebih asertif malahan, agresif secara terukur yang membawa kepada teretusnya insiden pelanggaran kapal perang tersebut.

Sementara itu, desakan nasionalis domestik juga diterjemahkan dalam pandangan/komentar golongan cendekiawan dan ‘*opinion leaders*’ serta pernyataan tegas dari wakil TNI. Sebagai contoh, bekas duta RI dalam urusan laut dan maritim yang amat disegani, Hasjim Djalal dalam wawancaranya dengan *Tempo*, telah menuduh “Malaysia tak bersikap sebagai tetangga yang baik” dan menegaskan bahawa Kerajaan Indonesia semasa “harus ada kemahuan politik yang kuat” sama seperti ‘zaman Bung Karno’ untuk mengambil tindakan tegas demi mempertahankan kedaulatan dan integriti wilayahnya (*Tempo*, 20/03/2005:38-39). Begitu juga dengan Rizal Sukma dari CSIS, yang berpendapat bahawa keberanian Malaysia menuntut Ambalat adalah berdasarkan perkiraan strategik yang jelas menonjolkan Indonesia kurang memiliki ‘*deterrent*’ yang memadai kerana sistem pertahanan TNI yang serba kekurangan berbanding angkatan bersenjata Malaysia, serta ‘*lacuna*’ yang serius dalam doktrin, strategi, kordinasi, postur dan prioritas pertahanan nasional. Pemikir politik terkenal tersebut menggesa Kerajaan SBY agar segera mereformasi dan memperkukuhkan kekuatan TNI untuk membolehkan Indonesia menghadapi cabaran dan ancaman nasional secara lebih berkesan (*Tempo*, 03/04/2005:98-99).

Pada waktu yang sama, pegawai-pegawai kanan TNI dan Departemen Pertahanan RI turut beretorika keras menegaskan kesediaan mereka berperang dengan Malaysia untuk mempertahankan kedaulatan wilayah Indonesia. Sebagai contoh, pihak media melaporkan pernyataan nasionalistik jurucakap TNI-AL, Laksamana Abdul Malik Yusuf pada awal Mac 2005,

yang menegaskan bahawa Indonesia “tidak akan melepaskan/menggadaikan walaupun seinci tanah atau setitik air lautan kita ke dalam tangan pihak asing” (Guerin, 09/03/2005). Mesej yang hampir sama juga disampaikan oleh Kepala Staf TNI-Angkatan Darat (AD), Leftenan Jenderal Djoko Santoso yang mengatakan “kami tidak akan membiarkan satu jengkal tanah pun diambil negara lain” ketika menyatakan kesediaan TNI-AD mendukung operasi di Ambalat (*Forum Keadilan*, 20/03/2005:13). Sementara itu, Menteri Pertahanan RI, Juwono Sudarsono, melihat tindakan Malaysia di Ambalat sebagai “uji coba terhadap kekuatan militer Indonesia” yang dinilai negara jiran tersebut sebagai ‘tidak terlalu kuat’ (Gatra, 19/03/2005:31). Sebagai salah satu pelaku dan ‘stakeholder’ dasar luar dan keselamatan Indonesia, pernyataan-pernyataan nasionalistik sedemikian boleh ditafsirkan sebagai desakan ‘tak langsung’ terhadap kerajaan SBY untuk menyediakan peruntukan bajet yang lebih besar kepada operasi Departemen Pertahanan dan pemodenan TNI.

Pada keseluruhannya, pelaku domestik di Indonesia adalah hampir ‘sebulat suara’ dalam membantah tuntutan Malaysia dan mendesak pentadbiran SBY mengambil tindakan asertif mempertahankan hak milik Indonesia ke atas wilayah Ambalat. Tidak dapat dinafikan juga terdapat suara moderat dalam kalangan pelaku, khususnya Departemen Luar Negeri, yang dimanifestasikan melalui Menlu, Nur Hasan Wirajuda dan Dubes Indonesia ke Malaysia, Rusdiharjo, yang telah berusaha keras untuk meredakan ketegangan bilateral dengan pendirian mereka yang sederhana, diplomatik dan ‘conciliatory’ terhadap Kuala Lumpur. Misalannya, Dubes Rusdiharjo, dituduh menjatuhkan maruah bangsa kerana tindakan beliau ‘memohon maaf’ dan mengkritik tindak-tanduk rakyat Indonesia, atas aksi pembakaran bendera Malaysia ketika demonstrasi popular anti-Malaysia di Jakarta (*Forum Keadilan*, 27/05/2005:82-83).

Walaupun memiliki *modus operandi* yang cenderung bersifat diplomatik, ada kemungkinan bahawa penampilan ‘conciliatory’ Deplu merupakan cerminan pendirian pentadbiran SBY yang belum bersedia mengambil risiko menggadaikan hubungan Indonesia-Malaysia demi suatu isu yang berpotensi diselesaikan di meja perundingan. Apatah lagi, personaliti dan idionsinkrasi Presiden SBY sendiri cenderung bersandar kepada pendekatan yang rasional dan aman untuk menangani pertikaian tersebut. Di samping itu, sikap *moderate* turut ditonjolkan oleh sebilangan pemimpin

Islam Indonesia yang telah menghantar rombongan ‘misi damai’ ke Kuala Lumpur pada pertengahan Mac 2005, atas dasar ‘persaudaraan Islam’ untuk memperbaiki hubungan bilateral yang tercemar akibat isu Ambalat (*The Jakarta Post*, 14/03/2005). Malahan, bekas Presiden Indonesia, Abdurrahman Gus Dur Wahid juga menggesa Kerajaan Indonesia agar mempamerkan sikap sederhana dan berusaha mencari ‘*peaceful solution*’ ke atas sengketa Ambalat (*The Jakarta Post*, 14/03/2005). Namun, desakan nasionalis domestik yang cukup lantang dan kuat daripada pelbagai kelompok masyarakat serta persepsi kedudukan kuasa SBY yang sedikit goyah akibat ketidakpuasan hati rakyat terhadap dasar ekonomi domestiknya menyebabkan pentadbiran SBY cenderung mempersepsikan keazaman politik domestik (*domestic political resolve*) mereka, khususnya *vis-à-vis* tekanan nasionalis domestik sebagai kurang menggalakkan (*unfavourable*).

Opsyen Dasar Luar Pentadbiran SBY dalam Menangani Sengketa Ambalat (2005)

Opsyen dasar luar Indonesia ketika insiden Ambalat pada Februari-Mei 2005 barangkali diputus berdasarkan antisipasi kedudukan kuasa relatif *vis-à-vis* Malaysia yang samar-samar (*ambiguous*) hasil daripada kombinasi persepsi persekitaran antarabangsa yang kondusif tetapi *diplomatic leverage* yang kurang menggalakkan terhadap Malaysia. Suasana yang bersifat ‘*indeterminate*’ ini memberikan keanjalan opsyen dasar kepada pentadbiran SBY. Sementara itu, persekitaran domestik positif pada peringkat awal yang dipupuk oleh kemenangan di Pemilu Presiden dan sokongan popular, telah dijejaskan oleh isu kenaikan harga BBM dan kemudiannya desakan/tekanan nasionalis anti-Malaysia akibat tindak-tanduk Malaysia di perairan Ambalat dan masalah PATI dan TKI Indonesia di negara jiran tersebut. Persepsi keazaman politik domestik yang ‘kurang menggalakkan’ bersama-sama dengan kedudukan kuasa relatif yang *ambiguous* menjanakan satu *nexus* eksternal-domestik yang memperlihatkan Kerajaan SBY bergerak ke suatu kedudukan di antara Kuadran C dan D dalam Model NCR.

Opsyen dasar dan tingkah laku Jakarta ketika menangani sengketa Ambalat adalah sejajar dengan andaian NCR yang memerlukan Kerajaan SBY mengambil kombinasi opsyen dasar luar yang bersifat asertif-nasionalis dan ‘*highly visible*’ (misalnya mengunjungi wilayah pertikaian, mengeluarkan pernyataan dan retorika yang tegas; memperkukuhkan

angkatan TNI di perbatasan; dan bersetuju dengan tindakan ‘controlled/calculated aggression’ TNI-AL ketika berhadapan dengan kapal TLDM dan sebagainya) untuk memuaskan permintaan dan desakan nasionalis, yang dikomplementasikan dengan aksi dan isyarat yang bersifat konsiliatori (contohnya perbincaraan ‘hotline’ dengan Perdana Menteri Malaysia; mengurangkan penumpuan senjata atau ‘stand-down TNI di perbatasan Ambalat; mengeluarkan pernyataan-pernyataan yang sederhana atau konsiliatori, sama ada oleh SBY sendiri atau melalui Deplu; bersetuju dengan pembentukan mekanisme perundingan untuk mencapai resolusi damai dan sebagainya) demi mengurangkan kos diplomatik hubungan bilateral yang kian merosot.

KESIMPULAN

Hubungan bilateral Indonesia-Malaysia pada era kontemporer sememangnya amat dipengaruhi oleh kebangkitan (semula) semangat nasionalisme di persada domestik kedua-dua negara yang kian menyulitkan keupayaan pihak pemerintah untuk menangani pelbagai isu bilateral yang berbau nasionalistik. Di Indonesia khususnya, sentimen nasionalisme ‘anti-Malaysia’ yang menyemarak baik dalam kalangan elit mahupun massa menyebabkan pihak Kerajaan Indonesia semakin dikekang oleh desakan nasionalis domestik untuk mengambil pendirian yang lebih asertif dan tegas apabila berhadapan dengan Kerajaan Malaysia ketika teretusnya sengketa bilateral sedemikian. Seperti yang telah ditonjolkan dalam kajian ini, pengurusan Indonesia terhadap episod sulung sengketa Ambalat dengan Malaysia jelas mencerminkan pada takat tertentu, keberkesanan desakan nasionalis domestik dalam meneghad dan mengekang pilihan dasar luar Kerajaan SBY.

Walau bagaimanapun, tidak seperti sengketa warisan budaya yang merupakan isu simbolik, pertikaian wilayah Ambalat adalah ‘real/tangible’ dan berpotensi mencetuskan konfrontasi bersenjata, akibat bahaya merbaknya keghairahan nasionalisme yang chauvinis dan adu gertak militer yang melampau. Sewajarnya, rukun NCR mengharuskan elit-kerajaan dan pembuat dasar Indonesia (dan Malaysia) bersikap lebih berhati-hati dan terkawal dalam menangani isu kedaulatan/keutuhan wilayah, dan tidak sewenang-wenangnya membenarkan keghairahan dan emosi nasionalistik menentukan keputusan dasar. Opsyen-opsyen dasar yang ‘terukur’

(*measured*) serta maneuver-maneuver diplomatik yang dilaksanakan Jakarta jelas menonjolkan penekanan Kerajaan SBY kepada elemen penaaakulan dan '*sensibility*' berbanding emosi dan keghairahan dalam penentuan keputusan, serta '*balancing*' untuk memajukan kedua-dua matlamat dasar luar dan domestik secara serentak. Hal ini mendemonstrasikan sejauhmana nasionalisme mempengaruhi pembuatan dasar luar Indonesia, yang mana dalam keadaan-keadaan eksternal-domestik dan konteks masa tertentu, seperti yang dipersepsikan elit-kerajaan Indonesia, boleh menjadi lebih, atau kurang signifikan *vis-à-vis* pemboleh ubah yang lain dalam membentuk opsyen-opsyen dasar luar mereka.

NOTA

¹Kerangka teori ini memerlukan negara atau Kerajaan Indonesia, atau lebih spesifik lagi, 'elit-kerajaan' dijadikan agen utama memandangkan merekalah pembuat keputusan dasar luar yang mutakhir. Hal ini memerlukan usaha untuk mengidentifikasikan pendirian dan haluan politik-ideologi mereka, kebergantungan mereka terhadap nasionalisme sebagai instrumen kuasa, kecenderungan mereka terhadap agenda luar yang nasionalistik atau pragmatik, dan keazaman politik domestik *vis-a-vis* elemen sederhana atau *moderate* dan nasionalis, untuk membuat kesimpulan tentang keupayaan nasionalisme dalam mempengaruhi persepsi/perkiraan mereka. Selain itu, tumpuan diberikan kepada agensi domestik yang lain, terutamanya parti kerajaan (Partai Demokrat dan Golkar), birokrasi (Departemen/Kementerian Luar Negeri (Deplu/Kemenlu), Departemen Pertahanan (Dephan), misalnya), pembangkang politik dan peranan Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) (khususnya Komisi 1), serta pelaku bukan kerajaan (contohnya media, golongan inteligensia, kumpulan pendesak nasionalis, komuniti peniaga dan pendapat awam). Untuk agensi luaran, fokus diberi kepada respons kerajaan dan rakyat Malaysia, peranan dan campur tangan kuasa-kuasa besar/serantau dan peranan ASEAN, bersama-sama dengan faktor dan pelaku sampingan dalam persekitaran antarabangsa yang memberi kesan secara serentak dalam pembuatan dasar luar Indonesia.

²Bermakna, sistem antarabangsa mendatangkan tekanan dan peluang kepada unit-unit '*self-help*' (pelaku-negara) yang menganggotainya. Akan tetapi, menurut Waltz (1979: 71), ia tidak boleh menetapkan 'keberkesanan' unit-unit tersebut dalam memberi respons yang optimum terhadap tekanan dan peluang yang wujud.

³Menurut Sterling-Folker (1997: 19-20), proses domestik yang bertindak sebagai '*opaque filter*' dalam mana penilaian, pilihan dan penaaakulan dibuat tentang persekitaran antarabangsa, bukan sahaja mampu "menghalang pelaku daripada menentukan pilihan, tingkah laku dan *outcomes* secara objektif, tetapi turut boleh bertindak sebagai halangan kepada kelangsungan/*survival* mereka ketika krisis luaran yang besar."

⁴Anggota DRP-RI yang bersama-sama berdemostrasi termasuklah Permadi (PDI-P), Effendi Choiri (PKB) dan Yuddy Chrisnandi (Golkar) (*Forum Keadilan*, 20/03/2005).

⁵Temu bual dengan Hasjim Djalal, bekas Duta Besar Republik Indonesia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pakar atau ketua perunding Undang-undang Laut Antarabangsa, Hotel Shangri-la, Kuala Lumpur (30/05/2011).

⁶Temu bual dengan Hasjim Djalal (30/05/2011).

RUJUKAN

- Arsana, Made Andi. 2010. Penyelesaian sengketa Ambalat dengan dilimitasi maritim: kajian geospasial dan yuridis. *Jurnal Ilmiah Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, 10 (1), hal.46-57.
- Bernama (04 Mei 2005) "Indonesia Daily Apologises to Najib, Malaysians" [<http://www.bernama.com/bernama/v3/news.php?id=132419> diakses pada 08/06/2005)].
- Bong, Youngshik Daniel. 2002. *Flashpoint at Sea? Legitimization Strategy and East Asian Island Disputes*. Ph.D. Dissertation, University of Pennsylvania, reproduced by UMI Dissertation Services, Ann Arbor, Michigan: ProQuest.
- Center for Strategic and International Studies (CSIS), Jakarta. 2005. "Dokumen: Kronologi Sengketa Ambalat", *Analisis CSIS*, 34 (1), hal.117-119.
- Desch, Michael C. 1998. "Culture Clash: Assessing the Importance of Ideas in Security Studies." *International Security*, 23 (1), hal.141-170.
- Downs, Erica S. & Saunders, Philip C. 1998-1999. "Legitimacy and the Limits of Nationalism: China and the Diaoyu Islands." *International Security*, 23 (3): 114-146.
- Forum Keadilan* (20 Mac 2005) "Masuk Dalam "Perangkap Diplomasi" Malaysia", hal.12-16.
- Forum Keadilan* (27 Mac 2005) "Dianggap Lecehkan Bangsa, Rusdiharjo Didesak Mundur", hal.82-83.
- Forum Keadilan* (27 Mac 2005) "Abdillah Toha, Anggota Komisi 1 DPR: Bila gagal diplomasi, kami desak pemerintah ambil langkah militer", hal.86.
- Forum Keadilan* (03 April 2005) "Perundingan Ambalat Gagal", hal.86-87.
- Ganesan, N. 2003. "Malaysia in 2002: Political Consolidation Amid Change?", *Asian Survey*, Vol. XLIII, No.1, January/ February 2003, hal. 147-155.
- Gatra* (12 Mac 2005) "Berebut Batas Minyak Ambalat", hal.38-39.
- Gatra* (19 Mac 2005) "Ngeper Perang Siaga di Perundingan: Sengketa Ambalat diupayakan selesai lewat jalur diplomasi. Di lapangan, ketegangan tentera dari dua negara terus berlangsung. Gerakan anti-Malaysia mencuat di pelbagai kota", hal.26-27.
- Gatra* (19 Mac 2005) "Pesan dari Mister Ndoweh: Peluru maya sudah berseliweran. Situs-situs resmi Malaysia bobol. Seorang hacker tampil bersama Dian Sastro. Para penggodam jiran tak tinggal diam", hal.35.
- Gatra* (19 Mac 2005) "Langkah Mati Telah Menanti: Kemenangan atas sengketa Sipadan-Ligitan lewat Mahkamah Internasional tak serta-merta bias jadi landasan menguasai Ambalat. Pemerintah Malaysia telah melanggar Konvensi Hukum Laut PBB", hal.36-37.
- Gatra* (19 Mac 2005) "Cukong Jiran Bebas Gentayangan", hal. 40.
- Gatra* (19 Mac 2005) "Posko Ganyang Keangkuhan", hal. 32-33.
- Gatra* (02 April 2005) "Hasrat Setahun untuk Ambalat", hal.12.

- Gatsiounis, Ioannis (24 March 2005) "Malaysia, Indonesia stir the friendship pot", *Asia Times Online* [http://www.atimes.com/atimes/Southeast_Asia/GC24Ae02.html] (diakses pada 03/03/2011)].
- Guerin, Bill (9 March 2005) "Sulawesi Sea row dredges up defences", *Asia Times Online* [http://www.atimes.com/atimes/Southeast_Asia/GC09Ae02.html] (diakses pada 03/03/2011)].
- Gunawan, Budi (20 Mac 2005) "Skak-Mat Ala Pak Cik," *Forum Keadilan*, 45: hal.45.
- Hanizah Idris. 2009. "Hubungan Kerjasama Malaysia-Indonesia Dalam Aspek Keselamatan Maritim di Selat Melaka." Dlm. Mohamad Redzuan Othman, et al. (eds), *Setengah Abad Hubungan Malaysia-Indonesia*. Shah Alam: Arah Publications.
- Holst, Frederik. 2007. "(Dis-)Connected History: The Indonesia-Malaysia Relationship". Dlm. Streifeneder, E. And Missbach, A. (eds.). *Indonesia – The Presence of the Past. A festschrift in honour of Ingrid Wessel*. Berlin: regiospectra Verlag.
- International Court of Justice (ICJ) (2002) *Sovereignty over Pulau Ligitan and Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia)*. [<http://www.icj-cij.org/docket/files/102/7714.pdf>] (diakses pada 10/07/2011).
- Kompas* (9 Desember 2004) "Malaysia dan Indonesia Sepakat Tingkatkan Pengamanan."
- Kompas* (16 April 2005) "Pertahankan Hak dan Kedaulatan di Ambalat."
- Kompas* (2 Mei 2005) "Hak RI atas Ambalat adalah Harga Mati."
- Kompas* (28 Mei 2005) "RI-Malaysia Sepakat UNCLOS Jadi Acuan Batas Maritim."
- Kompas* (16 Jun 2005) "Eksplorasi di Blok Ambalat Berhenti."
- Lai, Yew Meng. 2008. *Nationalism and Power Politics in Japan's Relations with China: A Neoclassical Realist Interpretation*, unpublished Warwick Ph.D Thesis, Warwick Research Archive Project (WRAP): Coventry: University of Warwick.
- Lai, Yew Meng. 2013. *Nationalism and Power Politics in Japan's Relations with China: A Neoclassical Realist Interpretation*. London: Routledge (in press).
- Liow, Joseph Chinyong. 2004. "The Mahathir administration's war against Islamic militancy: operational and ideological challenges." *Australian Journal of International Affairs*, 58 (2), hal.241-256.
- Liow, Joseph Chinyong. 2005. *The Politics of Indonesia-Malaysia Relations: One Kin, Two Nations*. London: RoutledgeCurzon.
- Lobell, Steve E., Ripsman, Norrin & Taliaferro, Jeffrey W. (eds.). 2009. *Neoclassical Realism, The State, and Foreign Policy*. New York: Cambridge University Press.
- Media Indonesia* (7 Mei 2005) "RI-Malaysia Sepakat 'Make Love, not War.'"
- Media Indonesia* (10 Jun 2005) "Perundingan Ambalat Masuk Tahap Tiga."

- Ministry of International Trade and Industry (MITI), Malaysia (03 January 2005) "Malaysia-Indonesia Business Opportunities Seminar, Jakarta, Indonesia Monday 21 June 2004, 10:00 am" [http://www.miti.gov.my/cms/content.jsp?id=com.tms.cms.article.Article_15ec6c3e-7f000010-5e095e09-c30a0014] (diakses pada 10/10/2012).
- Noorsy, Ichsanuddin (20 Mac 2005) "Kenaikan BBM dan Kasus Ambalat", *Forum Keadilan*, 45: mk.74-75.
- Nor Azizan Idris. 2005. "Hubungan Malaysia-Indonesia dan Isu Pendatang Tanpa Izin." Dlm. Zarina Othman & Siti Daud (eds.), *Politik dan Keselamatan, Bangi*: Penerbit UKM. hal.148.
- Rigzone News* (16 February 2005) "Shell & Petronas Carigali Awarded Two Ultra-Deepwater Blocks".
- Rose, Gideon. 1998. "Neoclassical Realism and Theories of Foreign Policy." *World Politics*, 51 (1), hal.144-172.
- Schofield, C. & Storey, I. 2005. "Energy Security and Southeast Asia: The Impact on Maritime Boundaries and Territorial Disputes." *Harvard Asia Quarterly*, 9 (4).
- Schweller, Randall L. 2004. "Unanswered Threats: A Neoclassical Realist Theory of Underbalancing." *International Security*, 29 (2), hal. 159-201.
- Seneviratne, Kalinga (19 March 2005) "Indonesia tests ties with 'arrogant' neighbour", *Asia Times Online* [http://www.atimes.com/atimes/Southeast_Asia/GC/19Ae03.html] (diakses pada 03/03/2011)].
- Sterling-Folker, Jennifer. 1997. "Realist Environment, Liberal Process, and Domestic-Level Variables." *International Studies Quarterly*, 41, hal.1-25.
- Suara Karya* (11 Mac 2005) "SBY-DPR Sepakat Bahas Soal BBM".
- Suara Karya* (6 April 2005) "DPR Dukung Pengerahan Prajurit TNI Ke Ambalat."
- Suara Karya* (12 April 2005) "Malaysia Akui Posisi Indonesia Lebih Kuat."
- Suara Karya* (12 April 2005) "RI dan Malaysia Saling Protes."
- Suara Karya* (18 April 2005) "Konflik Ambalat Rugikan Indonesia-Malaysia."
- Suara Karya* (9 Jun 2005) "Menlu: Malaysia Ingin Cara Damai Selesaikan Ambalat."
- Sustina, Sobar & Arsana, Made (2011) "Memetakan Sengketa Batas Maritim Indonesia dengan Malaysia di Laut Sulawesi," Portal Universitas Pertahanan Indonesia [http://idu.ac.id/index.php?option=com_docman&task=cat_view&gid=81&limitstart=5] (akses pada 05/06/2011)].
- Sukma, Rizal (3 April 2005) "TNI Pasca-Ambalat", *Tempo*, hal.98-99.
- Sukma, Rizal. 2012. "Domestic Politics and International Posture: Constraints and Possibilities." Dlm. Reid, Anthony (ed.) *Indonesia Rising: The Repositioning of Asia's Third Giant*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Taliaferro, Jeffrey W. 2006. "State Building for Future Wars: Neoclassical Realism and the Resource-Extractive State." *Security Studies*, 15 (3), hal.464-495.

- Tempo* (6 Februari 2005) “Janji atau Surga yang Sebentar: Seratus hari pemerintahan SBY adalah cermin: bolehkah kita tetap berharap, atau harus memutuskan bersimpang jalan?”, hal.26-27.
- Tempo* (06 Mac 2005) “Dilema SBY”, hal.23.
- Tempo* (20 Mac 2005) “Ganyang Malaysia, Selamatkan Siti Nurhaliza”, hal.32-33.
- Tempo* (20 Mac 2005) “Tsunami Lebih Ramai: Penanganan TKI mendominasi pemberitaan media massa di Malaysia. Senketa wilayah Ambalat tak dapat tempat” : hal.36
- Tempo* (20 Mac 2005) “Wawancara: Menteri Luar Negeri Malaysia, Datuk Seri Syed Hamid Albar: Wilayah Maritim Tidak Ditentukan oleh Lobi Perusahaan Minyak”, hal.46-50.
- Tempo* (20 Mac 2005) “Mengais Rezeki Sampai ke Semenyih: Para pekerja ilegal dari Indonesia terus diburu polisi Malaysia. Mereka terancam dihukum dan dicambuk”, hal.112-113.
- Tempo* (20 Mac 2005) “Adu Gertak di Ambalat”, hal.23.
- Tempo* (20 Mac 2005) “Bertaruh di Ambalat”, hal. 51.
- Tempo* (20 Mac 2005) “Hasjim Djalal: Malaysia Tak Bersikap sebagai Tetangga Baik”, hal.38-39.
- Tempo* (20 Mac 2005) “Memburu Emas Hitam”, hal. 30-31.
- Tempo* (20 Mac 2005) “Datuk, Di Laut Kita Adu Gertak”, hal. 26-29.
- Tempo* (17 April 2005). “Senggolan Kapal Perang Indonesia-Malaysia”, hal. 20.
- The Jakarta Post* (14 March 2005) “RI Muslim leaders in KL on peace mission.”
- The Jakarta Post* (10 April 2005) “RI, KL warships collide in Ambalat.”
- The Star* (17 Januari 2005) “Rela, RT in op against illegals.”
- The Star* (2 Mac 2005) “Areas in Sulawesi Sea within Malaysia’s Borders.”
- The Star* (19 April 2005) “No apology from Najib, says Indon attache” [<http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2005/4/19/nation/10723062&sec=nation> (diakses pada 08/06/2012)].
- Waltz, Kenneth N. 1979. *Theory of International Politics*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Wirajuda, N. Hassan. 2005. “Indonesian foreign policy: strategy and objectives”. *DUTA: Indonesia and the World*, Jakarta: Indonesian Council on World Affairs. Yudhoyono, Susilo Bambang. 2005. “Indonesia and the world”, keynote address to the Indonesian Council on World Affairs (ICWA), Jakarta, 19 Mei.